

PENCURUSAN AKAUN DALAM KOPERASI SEKOLAH

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)

Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

1998

MOHD DAUT BIN HAJI SALLEH

© Mohd. Daut bin Haji Salleh, 1998. Hak Cipta Terpelihara



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

MOHD. DAUT BIN HAJI SALLEH

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of) Sarjana Sains (Pengurusan)


telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

PENGURUSAN AKAUN KOPERASI SEKOLAH.

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia
(Name of Supervisor): Puan Ku Nur Izah bt. Ku Ismail

Tandatangan
(Signature): 

Tarikh
(Date): 25/7/98

KEBENARAN MENGGUNAKAN

Dalam menyerahkan kertas projek ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian lepasan ijazah Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa pihak perpustakaan UUM mengadakan kertas projek ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya, atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini, untuk pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia seharusnya diberi dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam kertas projek ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau kegunaan lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada

Dekan
Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok,
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi guru-guru berhubung dengan kepentingan pengurusan akaun dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi sekolah. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar ialah persepsi terhadap kepentingan pengurusan akaun koperasi. Pembotekubah bebas terdiri dari lima faktor iaitu umur, jantina, jawatan, gred sekolah dan lokasi sekolah.

Seramai 110 orang gurur-guru sekolah menengah daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Instrumen kajian adalah soal selidik yang telah dibina sendiri oleh penyelidik dengan menggunakan skala Likert

Hasil kajian mendapati wujud perbezaan persepsi di kalangan Lembaga Koperasi tentang kefahaman perakaunan koperasi, kepekaan dan kepatuhan seksyen-seksyen tertentu Akta Koperasi 1993. Kajian ini juga mendapati tiada perbezaan persepsi antara guru-guru berhubung dengan kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun koperasi.

Rumusan dan cadangan kajian selanjutnya juga dikemukakan di bahagian akhir kajian ini.

ABSTRACT

The purpose of this study was to observe the factors which influenced teachers towards the importance of accounts management responsible for the success of a cooperative. In this research, the dependent variables was the perception towards the importance of cooperative accounts management whereas the independent variables were age, gender, post, grade of the school and location of the school.

The research was conducted with a sample of 110 teachers in Manjung Perak. The required data were collected through the use of questionnaires using Likert Scale.

The research showed that a significant difference among board of cooperative in the financial statement, observance and their accountability towards the different section of the cooperative Act of 1993.

The results of the research also show that there is an agreement in opinion among teachers in the factors which influences in account management.

A summary of the study, conclusion and recommendation are present here respectively at the end of the study.

PENGHARGAAN

Segala puji untuk Allah Rabbul Jalil kerana dengan keizininannya, taufik, hidayah serta inayahNya Kertas Projek ini dapat disempurnakan sebagai sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan) di Universiti Utara Malaysia. Selawat dan salam ke atas Imamul Muttaqin, Muhammad s.a.w. di mana dengan usaha baginda sebagai pesuruh Allah, alam telah disinari dengan nur Islam.

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek Puan Ku Nor Izah Ku Ismail di atas bimbingan dan perbincangan yang diberi sepanjang tempoh menyiapkan projek penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid, Pengarah IAB yang telah mencetuskan idea mewujudkan program berkembar ini, Prof. Madya Dr. Ibrahim Abdul Hamid selaku Dekan Sekolah Siswazah, Pengarah dan kakitangan IAB Cawangan Utara yang membantu sepanjang tempoh pengajian saya

Kerjasama daripada pihak pentadbiran, guru-guru sekolah menengah daerah Manjung dan Saudara Azam Sulaiman, Pegawai Ekonomi, Jabatan Pembangunan Koperasi Manjung/Perak Tengah amatlah dihargai.

Seterusnya ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat memberikan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi membolehkan projek ini disempurnakan.

15 Julai 1998.

Untuk ayah dan ibu yang dikasihi
Khas untuk isteri tersayang
Norhatom Yacob
Anak-anak tercinta
Mohd. Nuh Aizat dan Farah Nasuha

Kejayaan ini berpaksikan sumbangan ketabahan, kesabaran dan pengorbanan
yang diberikan sepanjang tempoh pengajianku ini
Semoga Allah s.w.t. memberkatinya dan menerimanya
sebagai amal yang soleh

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
KEBENARAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
DEDIKASI	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB SATU PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	10
Objektif Umum	10
Objektif Khusus	11
Skop Kajian	12
Kepentingan Kajian	12
Batasan Kajian	13
Batasan Masa	13
Batasan Lokasi	14
BAB DUA SOROTAN LITERATUR	14
Pengenalan	14
Koperasi	14
Jenis-Jenis Koperasi	20
Koperasi Sekolah	22
Matlamat dan Objektif Koperasi Sekolah	22
Perniagaan dan Aktiviti-Aktivi Koperasi Sekolah	23
Pengurusan Koperasi Sekolah	24
Lembaga Koperasi	25
Jawatankuasa Kecil	26
Perakaunan dan Akaun	27

Perakaunan	27
Akaun	29
Pengurusan Akaun Koperasi	33
Kesimpulan	35
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	36
Pengenalan	36
Huraian Populasi dan Sampel Kajian	36
Instrumen Kajian	38
Pembentukan Kajian	38
Kaedah Pengumpulan Data	39
Ujian Rintis	43
Prosedur Untuk Mengumpul Data	44
Reka Bentuk dan Pembolehubah Kajian	46
Reka Bentuk Kajian	46
Pembolehubah Kajian	50
Hipotesis-Hipotesis Nul	50
Hipotesis-Hipotesis Alternatif	53
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	55
Pendahuluan	55
Responden	55
Demografi Responden	56
Bilangan Responden Mengikut Umur	57
Bilangan Responden Mengikut Jantina	58
Responden Mengikut Jawatan	58
Taraf Pendidikan	59
Lokasi Sekolah	60
Gred Sekolah	60
Keanggotaan Koperasi Sekolah	61
Pengalaman Lembaga Koperasi Sekolah	61
Tahap Pengukuran Pembolehubah	63
Analisis Kefahaman, Kepekaan dan Kepatuhan	64
Pengujian Hipotesis-Hipotesis	65
Kesimpulan	83
BAB LIMA RINGKASAN KAJIAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	87
Ringkasan Kajian	87
Rumusan	89
Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang	98
BIBLIOGRAPHI	101
LAMPIRAN A	107

LAMPIRAN	B	110
LAMPIRAN	C	116
LAMPIRAN	D	120

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jawatan	57
Jadual 4.2	Bilangan Responden Mengikut Jantina	57
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman	59
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	60
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Gred Sekolah	61
Jadual 4.6	Taburan Responden Mengikut Keanggotaan Koperasi	61
Jadual 4.7	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Menjawab Jawatan Lembaga Koperasi Sekolah	62
Jadual 4.8	Taburan Kekserapan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Menjadi Lembaga Koperasi	62
Jadual 4.9	Tempoh Pengalaman Lembaga koperasi	63
Jadual 4.10	Taburan Kedudukan Markah dan Item Kefahaman, Kepekaan dan Kepatuhan.	64
Jadual 4.11	Keputusan Ujian-t hipotesis 1	67
Jadual 4.12	Keputusan Ujian-t hipotesis 2	68
Jadual 4.13	Keputusan Ujian-t hipotesis 3	71
Jadual 4.14	Keputusan Ujian-t hipotesis 4	73
Jadual 4.15	Keputusan Ujian-t hipotesis 5	74
Jadual 4.16	Keputusan Ujian-t hipotesis 6	75
Jadual 4.17	Keputusan Ujian-t hipotesis 7	76
Jadual 4.18	Keputusan Ujian-t hipotesis 8	78
Jadual 4.19	Keputusan Ujian-t hipotesis 9	79
Jadual 4.20	Keputusan Ujian-t hipotesis 10	81
Jadual 4.21	Keputusan Ujian-t hipotesis 11	82

SENARAI LAMPIRAN

	HALAMAN
1. Lampiran A	
Surat Kebenaran Untuk Manjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktan Penguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia	108
Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Ke Sekolah-Sekolah Di Negeri Perak	109
2. Lampiran B	
Borang Soal Selidik : Faktor-Faktor Pengurusan Akaun Koperasi Dalam Menentukan Kejayaan Koperasi-Koperasi Sekolah Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan.	111
3. Lampiran C	
Senarai Nama Koperasi Sekolah Yang Menjadi Sampel Kajian.	117
Keputusan Keesahan Soal Selidik	118
4. Lampiran D	
Jadual 1.1 Perangkaan Koperasi Di Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 1990-1995	121
Jadual 1.2 Statistik Pemegang Modal Syer Koperasi Sekolah Bagi Tahun 1995	121
Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jawatan	122
Carta 4.1 Carta Bar Umur Responden	123
Carta 4.2 Carta Bar Taraf Akademik Responden	124

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan.

Gerakan koperasi telah mula bertapak di negara kita sebagai suatu usaha untuk mengatasi masalah berhutang yang berleluasa di kalangan petani-petani dan pekerja-pekerja (Jabatan Pembangunan Koperasi, 1997). Di Semenanjung Malaysia gerakan tersebut bermula dalam tahun 1922, apabila kerajaan Persekutuan Tanah Melayu meluluskan *Co-operative Societies Enactment 1922 of the Federated Malay States* bertarikh 28 Jun 1922. Ia dikuatkuasakan di negeri-negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang. Enakmen 1922 ini telah disemak dan disiarkan sebagai FMS Cap. 9 dalam tahun 1935. Pindaan telah dibuat dalam tahun 1937 melalui *FMS Enactment No. 18*.

Pejabat Kemajuan Kerjasama telah diwujudkan pada Julai, 1922 yang berpejabat di Taiping. Ini selaras dengan keperluan penubuhan dan kawalan koperasi melalui peruntukan ***The Co-operative Societies Enactment (FMS Cap. 97 of 1922)*** di negeri-negeri Melayu Bersekutu itu.

Penubuhan jabatan ini dikenali juga sebagai *Pejabat Director of Co-operation*. En. A. Cavendish adalah Persuruhjaya yang dilantik sebagai pendaftar pertama bagi Syarikat Kerjasama di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab memperkenalkan gerakan koperasi di negara ini. Beliau juga mewujudkan suatu struktur birokratik untuk

melaksanakan polisi-polisi kerajaan dan menyelia pertumbuhan dan perkembangan hal-hal gerakan koperasi.

Pada 21 Julai 1922 Syarikat Berkerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Bhd. (berpusat di Kuala Lumpur) didaftarkan. Manakala pada 3 Disember 1923 Syarikat Kampung Tebok Haji Musa Bekerjasama dengan Tanggungan Bhd. Parit Buntar, Krian, Perak telah didaftarkan pula.

Pada tahun 1948, **Ordinan Koperasi Bil. 33** dikuatkuasakan keseluruh Tanah Melayu untuk mengawal dan mengelola perkembangan koperasi. Pejabat *Director of Co-operative* telah dinaiktarafkan kepada Pejabat Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama (*Commissioner of Cooperative*) yang bertanggungjawab di atas kemajuan (*promoting*) koperasi. Ia juga mempunyai Penolong Pendaftar yang dilantik di peringkat wilayah-wilayah Utara, Selatan, Timur, dan Tengah bagi menjalankan tugas-tugas statutori di bawah undang-undang berkenaan.

Ordinan Koperasi 1948 ini telah dipinda sebanyak 11 kali, iaitu dalam tahun 1951, 1953, 1955 (3 kali). 1958, 1965, 1966, 1967, 1976 dan Act A334 1983. Dalam tahun 1983 Persuruhjaya Semakan Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan ke atas **Ordinan Koperasi 1948** dengan tujuan mengemaskini peruntukan-peruntukannya.

Dengan semakan itu **Ordinan Koperasi 1948** dikenali sebagai **Akta Koperasi 1948 (Semakan 1983)**. Akta tersebut digunakan sehingga Akta yang terpakai pada hari ini (**Akta Koperasi 1993**) berkuatkuasa pada 22 Januari 1994 yang meliputi seluruh negara.

Sebelum tahun 1973 semua koperasi terletak di bawah Jabatan Pembangunan

Koperasi. Apabila **Akta Pertubuhan Peladang** diluluskan semua koperasi berteraskan pertanian terletak di bawah tanggungjawab Pertubuhan Peladang. Dan pada tahun 1974 **Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)** mensyaratkan koperasi berasaskan perikanan terletak di bawah bidang kuasa LKIM.

Pemindahan bidang kuasa ini memerlukan penghuraian prinsip-prinsip asas pertubuhan koperasi ini. Maka Maktab Kerjasama Malaysia (1994) menyenaraikan asas-asas keperluan penubuhan koperasi, ia ini; sebuah pertubuhan mempunyai ikatan rasmi di antara mereka yang menganggotainya, selain mencapai matlamat jangka panjang. Asas perjalanannya berpandukan kepada prinsip-prinsip khusus yang menentukan supaya sistemnya berjalan dengan teratur dan memberi faedah maksimum kepada ahli-ahlinya. Konsep koperasi berdasarkan kepada usaha mewujudkan faedah serta kebaikan melalui aktiviti bersama oleh mereka yang percaya bahawa tindakan bersama lebih berkesan daripada tindakan bersendirian.

Semenjak tertubuhnya koperasi pada tahun 1922, kini terdapat lebih kurang 3000 buah koperasi di Malaysia yang menjalankan berbagai aktiviti sosio-ekonomi yang ada kaitan dengan keperluan ahli-ahlinya (Adnan, 1994). Ini meliputi 4.2 juta anggota dan pengumpulan dana sejumlah lebih RM7 billion (Wawasan, 1997).

Perkembangan pengetahuan dan pengalaman pengkoperasian ini menimbulkan kesedaran bagi penubuhan koperasi sekolah sebagai asas pengenalan pengetahuan dan pengoperasian koperasi ke dalam dunia pendidikan. Maka pada tahun 1968 koperasi diperkenalkan di peringkat sekolah. Dalam konteks ini koperasi sekolah ialah koperasi yang didaftarkan di bawah **Ordinan Syarikat Koperasi Bil. 33/48**.

Perjalanan koperasi sekolah sama dengan koperasi biasa. Ia merupakan satu badan berkanun (*corporate body*) yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia di bawah **Akta Koperasi Bil. 33 tahun 1948**, di Sarawak di bawah "**Cooperative Societies Ordinance Charter 66 of the Sarawak Law**", dan di Sabah "**Cooperative Societies Ordinance of Sabah 3/1958** (Akta Koperasi, 1993).

Penubuhan awal koperasi sekolah berlaku atas cetusan idea bernas Profesor Diraja Ungku A. Aziz, Naib Canselor Universiti Malaya pada 20 Oktober 1966 di kampus Universiti Malaya. Pada 29 Mei 1968, 9 buah sekolah menengah telah dijadikan sekolah perintis bagi pergerakan koperasi di peringkat sekolah (ANGKASA, 1993). Pada 24 November 1969 Koperasi Sekolah Menengah Abdul Rahman Taib Berhad, Kuantan, Pahang telah didaftarkan dengan rasmi.

Usaha dan kegiatan ini menampakkan impak yang cukup positif, Abdul Rahman Salleh (1980) menyatakan terdapat sejumlah 223 buah koperasi sekolah yang mengandungi 66,179 anggota dengan modal sejumlah RM406,598 dan jumlah perniagaannya mencecah RM2.3 juta dalam tahun 1970-an. Manakala pada tahun 1988 terdapat 814 buah sekolah yang mengadakan koperasi sekolah dengan jumlah keahlian 590,741 orang, jumlah modal RM3,000,934 dan jumlah jualan RM 26,321,874.

Malahan perkembangan yang begitu pesat terus berlaku pada tahun 1990-an, di mana jumlah sekolah menengah yang telah menubuhkan koperasi sekolah menjangkau kebilangan 778 buah pada tahun 1990 (Jadual 1.1 dalam *Lampiran D*). Pada penghujung tahun 1995 jumlahnya bertambah sebanyak 200 buah, menjadikan bilangan koperasi sekolah sebanyak 978 buah dalam tempoh 5 tahun.

Dalam tahun 1996 sahaja, Gerakan Koperasi Sekolah telah berkembang seiring

dengan perkembangan lain-lain koperasi. Sehingga September 1996 terdapat 1,197 buah koperasi sekolah daripada 1,625 bilangan sekolah di Malaysia dengan keanggotaan seramai 1,233,816 orang, modal syer terkumpul RM5,987,602 dan aset berjumlah RM47,706,826.

Dari penganalisan Jabatan Pembangunan Koperasi (Wawasan, 1997) berhubung dengan prestasi koperasi sekolah di Semenanjung Malaysia (1990-1995) menunjukkan kadar pertumbuhan anggota koperasi sekolah ialah 9.2 peratus setahun (Jadual 1.2 dalam *Lampiran D*). Sementara pertumbuhan modal syer pada kadar 11 peratus setahun. Manakala, kadar purata pertumbuhan aset ialah 12 peratus setahun. Pertumbuhan purata pusingan perniagaan dalam tempoh berkenaan pula, ialah 17.7 peratus setahun.

Setelah 20 tahun koperasi sekolah bergerak, ia tumbuh dengan pesat dan pantas. Kepentingan penubuhannya berdasarkan huraian seperti yang diketengahkan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (1994), ia meliputi perkara-perkara seperti berikut:

1. Untuk melatih murid-murid mengamalkan budaya jimat cermat dan prinsip-prinsip hidup bermasyarakat secara demokrasi dan berusaha sendiri.
2. Untuk tempat mempraktikkan pelajaran moral dan ilmu perdagangan di samping mengasah bakat kepimpinan di kalangan murid-murid.
3. Untuk melatih murid-murid dalam bidang pengurusan dan pentadbiran kewangan serta perniagaan.

Pertumbuhan pesat bilangan sekolah-sekolah secara langsung meningkatkan jumlah koperasi sekolah. Ini akibat daripada galakan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan. Ini terbukti dengan dokumen-dokumen rasmi kerajaan, seperti; (1). Seksyen 53 Akta Koperasi dan (2). Surat Perkeliling Iktisas Kementerian Pendidikan Malaysia, KP 8591 - Jld. 11 (22) bertarikh 8 Mei 1976 dan KP 8586/303 bertarikh 20 April 1989.

Pengiktirafan khusus juga dapat ditelaah menerusi kepentingan koperasi sebagai sebahagian daripada kegiatan ko-kurikulum di sekolah-sekolah. Ini selaras dengan **Akta Pelajaran 1961**, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, dan Penyataan Falsafah Pendidikan Negara (Mokhtar 1993).

Walaupun tujuan asasnya sekadar pendedahan, tetapi kepentingan kemajuan koperasi mesti dilihat dan diukur dari segi pengurusan dan penyediaan penyata kewangan serta penggunaan maklumat perakaunan bagi memaparkan keberuntungan dan prestasi pengoperasian koperasi di peringkat sekolah.

Dengan itu, Mustapa (1994) menegaskan koperasi merupakan satu langkah berkerjasama yang berhasrat untuk mendedahkan murid-murid kepada cabaran-cabaran masa hadapan melalui peningkatan nilai-nilai etika dalam bidang perniagaan; iaitu mementingkan perkhidmatan untuk kepentingan semasa dan bukan semata-mata untuk pulangan modal.

Ini ditambah oleh Liadlaw (1977), dengan menekankan pentingnya kedudukan kewangan bagi menjamin kejayaan koperasi. Demikian juga Yusof Keling (1987) menjelaskan pentingnya sesebuah koperasi menyediakan penyata kewangan yang lengkap. Ini sejajar dengan keperluan seksyen 35 Akta Koperasi 1984 dan Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.

1.2 Pernyataan Masalah.

Kemajuan sesebuah koperasi banyak bergantung kepada penglibatan ahli lembaga koperasi yang aktif, pengurusan kewangan yang cekap dan amanah, penyediaan penyata kewangan yang sempurna dan kedudukan kewangan yang kukuh.

Kajian yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran memang telah banyak dilakukan (Zabidi Hamid (1997), Rohayati Ismail (1996), Abdul Wahab Mat (1992)). Demikian juga, huraian konsep dan prinsip-prinsip tentang koperasi sekolah, Aziz Ibrahim (1989), Idris Ismail dan Mohd. Safaai Said (1987), Syed Abdullah Syed Abu Bakar (1992), dan Ungku A. Aziz (1983).

Terdapat andaian bahawa pengenalan koperasi di peringkat persekolahan tidak banyak mendatangkan manfaat kepada pelajar. Yusof (1994) menegaskan hakikatnya koperasi yang dianggotai oleh penuntut-penuntut adalah di luar skop atau bidang aktiviti untuk memasuki bidang perindustrian. Terutama apabila aspek perakuan tidak dititikberatkan malahan hampir diabaikan dalam bidang pentadbiran dan pengurusannya.

Zaleha (1992) pula menekankan aspek pengurusan. Menurut beliau, memandangkan koperasi sekolah terikat dengan Undang-Undang Kecil Koperasi dan Akta Koperasi 1993, maka untuk mengurus dan mengendalikannya bukanlah mudah. Ianya memerlukan pengurusan sepenuh masa kerana ini merupakan satu bidang perniagaan, tidak seperti pertubuhan-pertubuhan sekolah yang lain.

Demikian juga, Ungku A. Aziz (1992) koperasi sekolah dianggap satu badan sosio-ekonomi yang mencantumkan kehendak-kehendak sosial ekonomi ahli-ahlinya. Oleh itu, sistem pengurusannya adalah berlainan, lebih kompleks, disamping mengawal sistem kawalan secara demokrasi.

Rahman 1990, Mokhtar (1994), Bala (1995) menyentuh perkara yang berkaitan dengan kegagalan dan kerugian koperasi. Angkasa (1994), Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (1995) dan Maktab Kerjasama Malaysia (1995) menghuraikan masalah-masalah yang wujud dalam koperasi.

Antaranya;

1. Sokongan dari pengetua dan guru-guru.
2. Tiada masa yang cukup untuk mengurus koperasi.
3. Jumlah modal yang kecil.
4. Tiada ruang untuk perniagaan koperasi sekolah.
5. Masalah pentadbiran dan pengurusan.
6. Kurangnya kefahaman tentang koperasi itu sendiri.

Penyataan-penyataan di atas mendapat sokongan Salbiah et al. (1990). Mereka menyatakan masalah koperasi sekolah meliputi;

1. Guru-guru yang bertanggungjawab terhadap koperasi sekolah terlalu sibuk dengan tugas-tugas lain di sekolah.
2. Kebanyakan guru yang ditugaskan untuk mengendalikan koperasi sekolah tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan di dalam

bidang pengurusan koperasi.

3. Ramai di kalangan ahli koperasi tidak mempunyai pendidikan mengenai koperasi.

Masalah dasar pergerakan koperasi sekolah ialah pihak pengurusan. Pasukan pengurusan yang baik hanya akan wujud jika pasukan pengurusan itu mempraktikkan prinsip-prinsip koperasi disamping prinsip-prinsip pengurusan (Hayati 1992).

Ahli-ahli lembaga dan kakitangan yang dilantik untuk menyelia dan mengurus koperasi mestilah mempunyai pengalaman dalam bidang koperasi. Mereka yang tiada pengalaman dan ilmu pengetahuan haruslah mendapatkannya dengan mengikuti kursus (Donald, 1976). Seterusnya Donald (1976) menjelaskan, pengurusan yang lemah akan menimbulkan banyak gejala tidak sihat dan ahli-ahli akan hilang kepercayaan, menimbulkan banyak penentangan dan akhirnya koperasi menjadi tidak aktif serta mungkin ditutup.

Kenyataan-kenyataan di atas disokong oleh Ho (1979) dengan menyimpulkan pengurusan yang cekap dan efisien merupakan kejayaan dan keuntungan sesebuah organisasi koperasi atau swasta.

Malahan Rohayati (1996) mendapati pembolehubah fungsi dan kemahiran dalam pengurusan telah dikenal pasti mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kejayaan pengurusan koperasi sekolah. Seterusnya Rohayati (1996) membuktikan fungsi dan kemahiran pengurusan mempunyai pengaruh signifikan yang paling kuat ke atas kejayaan pengurusan koperasi sekolah.

Melihat kepada kekangan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan koperasi peringkat sekolah, maka satu kajian mengenai aspek pengurusan akaun koperasi-koperasi wajar dilakukan. Untuk itu, kajian ini secara umumnya cuba melihat kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah. Secara khususnya kajian ini akan melihat persepsi guru-guru (Lembaga Koperasi dan bukan Lembaga Koperasi) tentang kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun bagi kejayaan sesebuah koperasi.

Pengurusan dan pentadbiran koperasi diandaikan menjadi lebih cekap dan mampan dengan pelaksanaan Akta Koperasi 1993, terutama penekanan Seksyen 58 yang mewajibkan koperasi menyenggara buku serta rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini.

Berdasarkan statistik *Kajian Pematuhan Akta Koperasi 1993 berakhir 31 Disember 1995*, Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Manjung/Perak Tengah mendapati pelanggaran peruntukan-peruntukan Akta di tahap 56.14% ke atas Seksyen 58 Akta berkenaan. Seksyen ini merujuk kepada perkara yang berhubungan dengan pengurusan akaun koperasi (Azam Sulaiman, 1997).

Pematuhan pengurusan koperasi-koperasi sekolah daerah Manjung Perak Darul Ridzuan melalui peruntukan seksyen ini banyak membantu mempertingkatkan prestasi koperasi khususnya apabila faktor pengurusan akaun diberi penekanan.

1.3 Objektif Kajian.

Terdapat dua objektif kajian iaitu:

1.3.1 Objektif Umum.

Kajian ini bermatlamat untuk melihat persepsi guru-guru (Lembaga Koperasi atau bukan Lembaga Koperasi mengenai kepentingan aspek akaun dalam pengurusan koperasi bagi menentukan kejayaan koperasi-koperasi sekolah di daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan.

1.3.2 Objektif khusus.

- i. Melihat faktor-faktor demografi yang mempengaruhi persepsi guru-guru (anggota Lembaga Koperasi dan bukan Lembaga Koperasi) tentang kepentingan pengurusan akaun dalam menentukan kejayaan koperasi-koperasi sekolah di daerah Manjung
- ii. Melihat tahap kefahaman dan kepekaan koperator-koperator koperasi sekolah daerah Manjung tentang kepentingan seksyen-sekyen Akta Koperasi 1993 yang berkaitan dengan elemen pengurusan akaun koperasi-koperasi sekolah di daerah Manjung.
- iii. Melihat kepentingan pengetahuan perakaunan yang mempunyai hubungan dengan kejayaan pengendalian koperasi-koperasi sekolah di daerah Manjung.

- iv. Untuk melihat perbandingan kepentingan faktor-faktor kewangan dan bukan kewangan dalam mengukur kejayaan koperasi-koperasi daerah Manjung.

1.4 Skop Kajian.

Kajian ini hanya melibatkan Koperasi-Koperasi Pengguna Institusi Pendidikan di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan. Koperasi-koperasi yang dimaksudkan ini merupakan koperasi khidmat kepenggunaan kepada ahli-ahli yang ditubuhkan di institusi-institusi pendidikan di daerah tersebut. Ini merangkumi koperasi-koperasi di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah jenis kebangsaan di daerah ini.

Koperasi-koperasi tersebut pula merujuk kepada koperasi-koperasi yang berdaftar secara rasmi dengan Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Manjung/Perak Tengah yang beribu pejabat di Sitiawan, Perak Darul Ridzuan.

1.5 Kepentingan Kajian.

1.5.1 Kajian ini dianggap penting kerana ianya belum pernah dilakukan sebelum ini di peringkat koperasi sekolah.

1.5.2 Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan persepsi guru-guru tentang kepentingan aspek-aspek perakaunan yang menentukan kejayaan dan kelancaran aktiviti koperasi.

1.5.3 Hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber berguna kepada pihak pengurusan koperasi untuk mengemas kini pengurusan dan pentadbiran koperasi.

1.5.4 Kajian ini juga diharapkan dapat menjelaskan status kepatuhan koperasi-koperasi sekolah dengan kepeluan Akta Koperasi 1993.

1.5.5 Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan kepentingan faktor kewangan dan bukan kewangan dalam menentukan kejayaan pengurusan dan pentadbiran koperasi sekolah sejajar dengan matlamat penubuhan koperasi untuk meningkatkan sosio-ekonomi pelajar sekolah.

1.6. Batasan Kajian.

Terdapat batasan masa dan lokasi bagi kajian ini. Antara batasan tersebut ialah:

1.6.1 Batasan Masa.

Tempoh masa kajian hanya berdasarkan tempoh masa kaji iaini sepanjang tempoh April hingga Julai 1998.

1.6.2 Batasan Lokasi.

Koperasi sekolah yang dipilih adalah 11 buah koperasi yang terdapat di daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan.

BAB DUA

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan.

Bab ini akan menghuraikan secara komprehensif sorotan karya pengkaji-pengkaji mengenai elemen-elemen yang berkaitan dengan koperasi, koperasi sekolah, pengurusan koperasi, perakaunan dan akaun, dan pengurusan akaun koperasi sekolah.

2.1 Koperasi

Koperasi memberi makna bekerja/berusaha bersama-sama begi mencapai matlamat untuk kebajikan bersama. Perkataan ini merupakan terjemahan langsung daripada perkataan bahasa Inggeris iaini, *cooperation* Perkataan Inggeris ini hakikatnya berasal daripada perkataan Latin '**cooperere**' yang bererti bekerjasama (Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1994)

John K. Sawage dan David Volkin dalam buku mereka "*Cooperative Criteria*" mendefinisikan koperasi sebagai:

"A cooperative is a voluntary contractual organization of persons having a mutual ownership interest in providing themselves a needed service(s) on a non-profit basis. It is usually organized as a legal entity to accomplish an economic objective through joint participation of it members.

In a cooperative the investment and operational risk, benefit gained or losses incurred are shared equitably by its members in proportion to their use of the cooperative's services. A cooperative is democratically controlled by its members on the basis of their status as member-users and not as investors in the capital structure of cooperatives."

Gerakan koperasi yang diperjuangkan oleh badan koperasi mendapat pengesahan dan pengiktirafan daripada Persidangan Buruh Antarabangsa. Dalam mesyuaratnya yang ke-50 di Geneva pada 1 Jun 1966 badan tersebut, telah mengusul dan sebulat suara menerima Perakuan Koperasi (Negara-negara Membangun), 1966 (No. 127) mengenai peranan koperasi dalam pembangunan ekonomi dan sosial bagi negara-negara membangun. Perkara 12 Perakuan itu memperakukan definisi koperasi:

"Koperasi ialah pertubuhan manusia yang telah dengan sukarelanya bermuafakat untuk menghasilkan tujuan bersama mereka dengan menubuhkan badan perniagaan yang dikawal dengan cara demokrasi, membuat sumbangan yang saksama terhadap modal yang diperlukan dan menerima kadar yang munasabah bagi risiko serta faedah dalam perniagaan yang ahli-ahlinya mengambil bahagian secara aktif."

Daripada definisi yang dinyatakan tadi jelas menghuraikan bahawa sekumpulan manusia yang sekurang-kurangnya mempunyai satu keperluan ekonomi yang sama bermuafakat dengan sukarela bermatlamat untuk menolong diri sendiri memungkinkan kewujudan koperasi. Konsep koperasi yang tulen ialah pembangunan manusia, iaitu pembangunan manusia menerusi pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.

Prinsip-prinsip yang utama yang telah disusun oleh Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) menerusi kongresnya yang ke-23 di Vienna tahun 1966. Syed Abdullah (1992) dan Prof. Di-Raja Ungku A. Aziz (1994) telah merumuskannya susunan prinsip koperasi

adalah seperti berikut :

1. Keahlian terbuka dan sukarela.

Keahlian dalam koperasi wajarnya berbentuk sukarela dan terbuka tanpa apa-apa sekatan atau diskriminasi sosial, politik atau agama kepada semua orang yang boleh menggunakan perkhidmatannya dan bersedia menerima tanggungjawab sebagai ahli. Ahli-ahli sebuah koperasi adalah mereka yang mempunyai kehendak yang sama atau supaya tiap-tiap seorang daripada mereka boleh menyertai dalam urusan perniagaan koperasi sebagai pelanggan atau lain-lainnya. Ahli-ahli juga wajar mampu dan sanggup memberi sumbangan yang diperlukan untuk membolehkan koperasi menjalankan fungsinya. Tiada siapa yang boleh dipaksa untuk menjadi ahli dan tidaklah boleh disekat mana-mana orang dari menjadi ahli koperasi kerana taraf sosial, agama atau kecenderungan politik mereka.

2. Pentadbiran secara demokrasi.

Kegiatan koperasi ditabdir oleh orang-orang yang dipilih atau dilantik dengan cara yang telah dipersetujui oleh ahli-ahli dan bertanggungjawab kepada mereka. Perlantikan ini dilakukan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi. Ahli-ahli koperasi prinsipnya berupaya menikmati hak yang sama dalam pengundian (*seorang ahli atau satu undi*) dan penyertaannya dalam keputusannya yang membabitkan koperasi.

Ahli-ahli mempunyai taraf yang sama dengan tidak menghiraukan jumlah milik saham atau modalnya. Koperasi itu adalah dimiliki oleh ahli-ahlinya dan hendaklah ditadbir oleh mereka sendiri. Oleh sebab mereka berdiri di atas taraf yang sama, pembentukan badan pentadbiran akhirnya menjuruskan kepada pengurusan

secara sistematik juga.

3. Pembayaran faedah yang terhad ke atas modal.

Pemegang modal saham berhak menerima satu kadar faedah yang terhad, jika ada. Sebagai sebuah badan yang menjalankan kegiatan ekonomi, koperasi memerlukan modal yang datangnya daripada ahli-ahli. Oleh itu ahli-ahli tidak seharusnya menjadi *sleeping partner*. Berasaskan pembentukan dan penggunaan modal seperti di atas maka konsep ganjaran atas modal bukannya dividen dalam erti kata yang sebenar. Prinsip ini membatas atau menghadkan bayaran keuntungan atas modal selaras dengan kadar faedah. Undang-undang koperasi telah menetapkan supaya bayaran dividen lazimnya tidak boleh lebih 10% daripada modal syer.

4. Pembahagian keuntungan yang sama rata.

Perkara 3 di atas, secara langsung menentukan pembahagian untung yang adil kepada semua ahli koperasi. Lebihan atau simpanan, jika ada, yang dihasilkan oleh perniagaan koperasi ialah milik ahli-ahli koperasi itu dan hendaklah diagihkan dengan cara yang tidak menjadikan seorang ahli itu mendapat faedah atas orang lain. Ini boleh dilakukan dengan ahli-ahli membuat keputusan seperti berikut:

- a) dengan membuat peruntukan bagi pembangunan perniagaan koperasi,
- (b) dengan membuat peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan biasa,
- (c) dengan mengagihkan di kalangan ahli-ahli dan mengikut nisbah urusan masing-masing.

5. Penggalakkan terhadap pendidikan koperasi.

Semua koperasi wajar menyediakan peruntukan bagi pendidikan ahli-ahli, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan serta masyarakat umum. Ini boleh dilaksanakan dalam bentuk syarahan, bengkel, seminar, ceramah serta lain-lain bentuk pendedahan pendidikan pengkoperasian.

6. Kerjasama yang aktif di kalangan koperasi.

Sejajar dengan konsep kerjasama yang didokong oleh gerakan ini pengembelangan seluruh peringkat kehidupan amat diutamakan. Semua pertubuhan koperasi, untuk berkhidmat dengan cara yang terbaik kepada ahli-ahli dan masyarakat, hendaklah seboleh yang mungkin, bekerjasama secara aktif dengan lain-lain koperasi tempatan, kebangsaan, dan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, penerimaan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh ICA tidaklah secara terus dianggap telah diterima dan dipatuhi oleh mana-mana atau semua pertubuhan koperasi. Ahli-ahli Lembaga Koperasi bagi tiap-tiap koperasi hanya perlu secara rasmi menerima prinsip-prinsip ini sebagai dasar yang akan menjadi panduan kepada koperasi

Jelaslah koperasi mengikut takrif antarabangsa ialah suatu persatuan berautonomi bagi orang-orang yang bergabung dengan sukarela untuk memenuhi keperluan-keperluan dan aspirasi-aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang sama melalui suatu usaha yang dimiliki secara bersekutu dan dikendalikan secara demokratik.

Takrifan ini sejajar pula dengan Akta Koperasi yang menghuraikan koperasi asas adalah suatu pertubuhan yang terdiri daripada orang-orang individu dan bermatlamat meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya yang mengikut prinsip-prinsip koperasi (seperti diperincikan di atas).

Perkataan "*kepentingan ekonomi*" dalam takrif Akta Koperasi 1993 itu sama ertinya dengan "*keperluan dan cita-cita ekonomi, sosial dan budaya*" dalam takrif antarabangsa bagi koperasi.

Kesimpulannya, bagaimana jua pun ianya ditakrifkan, koperasi tetap merupakan suatu organisasi bagi orang-orang yang bersekutu atas dasar nilai-nilai murni kemasyarakatan untuk menjalankan sesuatu usaha, atas nama organisasi itu, bagi memenuhi keperluan-keperluan kehidupan atau rumah tangga mereka sendiri.

Justeru, usaha sekutu yang dijalankan atas nama koperasi itu merupakan suatu aktiviti yang memenuhi keperluan usaha-usaha individu yang dijalankan secara lazim oleh anggota-anggota sebagai mata pencarian atau kehidupan mereka. Letaknya kepentingan atau keperluan ini bukan di dalam koperasi tetapi pada anggota-anggota sendiri.

Di dalam koperasi anggota-anggota tidak ada kepentingan ekonomi selain daripada modal yang mereka carumkan, atau aset yang diperolehi dengan caruman itu.

2.1.1 Jenis-Jenis Koperasi

Koperasi boleh dikelompokkan atau dibahagikan kepada beberapa jenis yang besar berdasarkan keanggotaan yang diwakilinya. Koperasi mungkin ditubuhkan oleh kumpulan-kumpulan petani, nelayan, anggota polis, perniaga, pengguna dan lain-lain. Oleh itu, satu perumusan tentang jenis koperasi boleh dilakukan mengikut kategori fungsi, saiz, jenis keanggotaan, jenis perniagaan, jenis kegiatan, dan kumpulan manusia. Penjenisan koperasi di Malaysia dilakukan mengikut aktiviti-aktiviti koperasi berkenaan.

Kategori berkenaan meliputi, antaranya:

(a) Koperasi Berasaskan Perikanan

Koperasi nelayan dianggotai oleh para nelayan yang terbabit aktif dalam sektor perusahaan perikanan secara individu atau kumpulan, keluarga dan tidak dalam bentuk syarikat-syarikat besar. Kegiatan koperasi nelayan meliputi pemilikan bersama bot, jimat cermat dan kredit, bekalan peralatan menangkap ikan, insuran bagi bot-bot perikanan, pemasaran dan pemerosesan ikan. Koperasi perikanan yang terdapat di Malaysia diletakkan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

(b) Koperasi Berasaskan Pertanian.

Pertanian amat penting kerana di Malaysia sektor ini menyumbang kepada keperluan pengguna asas dan harian penduduk serta kegiatan ekonomi yang penting. Koperasi jenis ini banyak terdapat di Malaysia. Koperasi jenis ini

menumpukan kegiatannya dalam bidang pembekalan benih, baja, makanan ternakan, alatan pertanian, racun serangga, perubatan haiwan dan lain-lain kemudahan pertanian moden.

Terdapat juga koperasi pertanian yang berperanan sebagai pembeli atau *middle man* untuk memasarkan hasil pertanian ahli-ahli demi menghindari pengeksploitasian harga dan berat produk hasilan mereka. Koperasi yang berasaskan pertanian ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dengan agensi-agensi di bawah kuasa kementerian berkenaan.

(c) Kredit, Bank, dan Insuran

Bank-bank, institusi-institusi, dan organisasi insuran masa kini ada yang merupakan antara koperasi-kopersai yang paling meluas, kuat dan berkesan. Dalam sesetengah perkara koperasi-koperasi ini bergabung dengan koperasi-koperasi pertanian, perindustrian, pengguna, atau nelayan. Entiti perkhidmatan ini juga mendapatkan keahlian mereka daripada kumpulan-kumpulan pekerja tertentu. Koperasi kredit biasanya berpotensi menarik sokongan sejumlah besar anggota.

Biasanya organisasi sebegini, mendapat kuasa dan pengaruh kewangan yang agak besar di dalam industri bank. Bank Rakyat merupakan contoh terbaik bagi Malaysia. Bagi setengah-setengah negara bank-bank koperasi merupakan saluran menerusi mana bantuan negara disampaikan kepada petani dan lain-lain kumpulan yang telah menjadi sasar kerajaan .

(d) Koperasi Pengguna.

Koperasi Angkatan Tentera dan Koperasi Polis merupakan koperasi pengguna yang terkemuka di Malaysia. Demikian juga dengan koperasi-koperasi yang ditubuhkan di sekolah-sekolah di Malaysia. Koperasi jenis ini mengutamakan kepentingan dan perkhidmatan kepada pengguna-pengguna. Anggota-anggotanya memperoleh keperluan asas dan harian mereka di koperasi-koperasi ini dengan harga yang berpatutan dan produk yang berkualiti. Antara kegiatan koperasi pengguna membabitkan operasi kedai runcit, pasar mini dan rangkaianannya, pasar raya, bazar, pusat dan gedung membeli belah.

2.2 Koperasi Sekolah.

Koperasi sekolah adalah sama tarafnya dengan koperasi biasa. Ia didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dengan mempunyai undang-undang kawalannya sendiri.

Dari segi keahlian, koperasi sekolah mempunyai ahli-ahli yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah. Seksyen 26 Akta Koperasi 1993 menegaskan kelayakan anggota koperasi sekolah mesti telah mencapai umur 12 tahun dan menjadi penuntut berdaftar sekolah itu.

2.2.1 Matlamat dan Objektif Koperasi Sekolah.

Tumpuan pihak kementerian pendidikan terhadap koperasi sekolah bukan sahaja

bertujuan untuk mewujudkan barisan pelapis yang akan menggantikan generasi koperator sekarang tetapi yang lebih penting ialah menyemai dan memupuk nilai-nilai asas berkoperasi yang tersirat di sebalik konsep, falsafah dan semangat koperasi dalam amalan kehidupan generasi pelajar. Nilai-nilai asas ini adalah berteraskan kepada nilai kemanusiaan sejagat yang menjurus kepada pembentukan perilaku dan peribadi diri sendiri, organisasi dan masyarakat.

Koperasi sekolah juga merupakan "*a good training ground*" untuk mewujudkan unsur-unsur kepimpinan, kewibawaan dan kemasyarakatan. Ini jelas dalam mengendalikan koperasi unsur-unsur tanggungjawab pengurusan perniagaan, *risk-taker, decision-maker*, faktor-faktor kebajikan bersama seperti *group responsibility and accountability* dan etika-etika perniagaan amat dititikberatkan.

Manakala dari sudut sosial pula koperasi sekolah telah terlibat dalam mengeluarkan sumbangan kewangan kepada PIBG, badan-badan atau persatuan, mencantikkan kawasan sekolah, membuat tempat-tempat letak basikal, pondok-pondok bacaan dan sebagainya.

2.2.2 Perniagaan dan aktiviti-aktiviti Koperasi Sekolah.

Koperasi sekolah telah wujud di Malaysia sejak tahun 1968. Peringkat awal penubuhannya menyaksikan pelbagai masalah yang dihadapi seperti dari segi modal, lokasi perniagaan, kurang kemahiran, kesukaran mendapat bekalan dan sebagainya. Namun semua masalah tersebut kini sudah dapat di atasi dan koperasi sekolah telah mula memperlihatkan perkembangan yang amat menggalakkan. Pelbagai aktiviti ekonomi telah dijalankan.

Menurut Undang-Undang Kecil 53, Kumpulan Wang koperasi bolehlah digunakan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti yang diperuntukkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi tersebut (Akta Koperasi 1993). Aktiviti ini termasuklah aktiviti perniagaan koperasi atau simpanan atau diperniagakan mengikut syarat-syarat dalam Akta Koperasi.

Mesyyuarat Agung Tahunan mempunyai kuasa memutuskan bentuk aktiviti-aktiviti sesuatu koperasi berkenaan. Dalam konteks ini anggota lembaga mempunyai kuasa dan berkewajipan melaburkan wang berlebihan koperasi mengikut peruntukan Seksyen 54 Akta Koperasi (Akta Koperasi 1993). Anggota Lembaga juga dikehendaki mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada anggota-anggota serta menjalankan rancangan-rancangan atau projek-projek koperasi yang berdaya maju.

Namun demikian Seksyen 45 Akta Koperasi 1993 memperuntukkan supaya Lembaga Koperasi hendaklah berhemat dan bertekun seperti ahli-ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh koperasi oleh sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun atas sebab apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi 1993.

2.3 Pengurusan Koperasi Sekolah.

Dalam koperasi sekolah, kuasa tertinggi adalah terletak kepada mesyyuarat agung dan anggota-anggota dikehendaki hadir dan menjalankan tanggungjawabnya serta menggunakan hak-hak mereka untuk mengundi, selaras dengan seksyen 36 Akta Koperasi 1993 (Akta Koperasi 1993). Mesyyuarat agung hendaklah diadakan

tidak lewat daripada enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Menurut Seksyen 44 Akta, pihak pengurusan pada umumnya bertanggungjawab memastikan pentadbiran serta pengurusan koperasi dikendalikan dengan teratur. Oleh itu, Lembaga menurut Undang-Undang Kecil 44 (2) Undang-Undang Kecil Koperasi Sekolah hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan bagi melaksanakan tanggungjawab, seperti melantik di antara anggotanya seorang pengerusi, seorang naib pengerusi, seorang setiausaha dan seorang bendahari.

Pengerusi bertanggungjawab mengawasi perjalanan koperasi, menyelia secara am pentadbiran dan hal ehwal dan pekerja koperasi. Untuk melancarkan pergerakan koperasi sekolah, Pengetua dibantu oleh Penolong Kanan sebagai Naib Pengerusi. Ini menampung kesuntukan masa bagi pengetua yang sibuk dengan urusan pentadbiran dan pengurusan sekolah. Setiausaha bertanggungjawab atas segala urusan koperasi selain dari kewangan. Bendahari secara khusus bertanggungjawab atas segala urusan kewangan koperasi.

2.3.1 Lembaga Koperasi

Undang-undang Malaysia Bab 34 (p) Undang-undang kecil Koperasi Sekolah (1993), memperuntukkan bahawa pengurusan koperasi sekolah terletak kepada satu lembaga yang terdiri antara 15 orang. Lembaga Koperasi ini terbentuk menerusi Mesyuarat Agung Tahunan. Lembaga koperasi mengandungi 6 orang guru atau kakitangan sekolah yang dinamakan oleh pengetua dan sembilan orang penuntut. Mengikut Undang-Undang Kecil 36(1), kesemua anggota lembaga yang dipilih

hendaklah mengosongkan jawatan mereka pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan dan boleh dilantik semula.

Menurut Seksyen 44 Akta Koperasi, Lembaga pada umumnya bertanggungjawab memastikan pentadbiran serta pengurusan koperasi dikendalikan dengan teratur.

Kepercayaan anggota tertumpu kepada anggota Lembaga yang telah diberi mandat oleh mesyuarat agung untuk mengendalikan urusan-urusan koperasi. Jika anggota Lembaga itu tidak menjalankan tanggungjawab dengan dedikasi, jujur dan cekap serta amanah, maka hilanglah kepercayaan anggota terhadap mereka dan seterusnya terhadap koperasi yang mereka bersama-sama mendukungnya. Lembaga Pengarah pula diberi kuasa mengikut Bab 43 (b) Undang-Undang Kecil Koperasi untuk membentuk Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari serta penolong-penolong mereka jika perlu.

2.3.2 Jawatankuasa Kecil

Di samping itu, Lembaga Pengarah menurut Undang-Undang Kecil 44 (2) (v) Undang-undang Kecil Koperasi Sekolah, diperuntukkan menubuhkan apa-apa jawatankuasa jika perlu bagi menjalankan mana-mana aktiviti koperasi sekolah dengan sepenuhnya dan mewakilkan kuasa kepadanya dari semasa kepada semasa. Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil ini akan menjalankan kerja-kerja tertentu bagi pihak Lembaga.

Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut mungkin termasuk Jawatankuasa Kedai, Belian, Jualan, Dobi, dan seumpamanya. Jawatankuasa kecil ini tertakluk kepada

Lembaga Koperasi. Jawatankuasa dikehendaki membentangkan laporan kewangan dalam mesyuarat Lembaga Koperasi sekurang-kurangnya dalam tempoh sekali dalam tempoh dua bulan seperti kehendak Undang-Undang Kecil 30 (2). Ahli-ahli jawatankuasa kecil boleh terdiri dari ahli-ahli di luar Lembaga Koperasi.

Jika keadaan kewangan mengizinkan, anggota lembaga boleh melantik pegawai yang bergaji tetap atau sebuah firma bagi mengendalikan pengurusan koperasi.

Anggota Lembaga juga mempunyai kuasa mengeluarkan surat-surat rasmi untuk lantikan, menggantung, membuang kerja, menetapkan kewajipan pekerja-pekerja, menetapkan gaji dan bayaran-bayaran lain kepada mereka.

2.4 Perakauan dan Akaun.

2.4.1 Perakuaan.

Koh (1981) dan Barjoyai Bardai (19801) menghuraikan perakaunan sebagai seni yang merekodkan, mengkelaskan dan meringkaskan dengan cara yang sistematik dan paling bererti dengan nisbah wang, urusniaga dan peristiwa-peristiwa dalam penyata kewangan dengan sifat-sifat dan kemudiaan menterjemahkannya sebagai keputusan akhirnya.

Pengertian di atas dipermudahkan oleh Nikolai et al (1992) dengan mendefinisikan perakaunan sebagai *proses menyediakan maklumat kuantitatif tentang entiti ekonomi, untuk membantu penggunaanya dalam pembuatan keputusan tentang peruntukan sumber ekonomi.*

Seterusnya Nikolai serta rakan-rakannya memperincikan definisi mereka menerusi huraian ringkas setiap frasa penting berikut:

Proses menyediakan bermaksud bahawa terdapat suatu siri aktiviti yang membawa kepada dan termasuk menyampaikan maklumat perakaunan. Aktiviti tersebut ialah (1) mengenal pasti maklumat dan kemudiannya, (2) mengukur, (3) mencatat, (4) menyimpan, dan (5) menyampaikannya.

Kuantitatif merujuk kepada maklumat yang disampaikan dengan menggunakan nombor; dalam perakaunan nombor biasanya ialah nombor nilai mata wang.

Entiti ekonomi bermakna bahawa perakaunan bukan sahaja terlibat dalam segala jenis perniagaan, malah juga masjid, hospital, badan kebajikan, majlis kerajaan tempatan, kerajaan, dan organisasi-organisasi yang lain.

Keputusan mengenai peruntukan sumber ekonomi, antara lain adalah termasuk, sama ada untuk membeli, menjual, atau memegang pelaburan, sama ada untuk menambah kredit kepada syarikat yang memerlukan pinjaman, sama ada untuk mengeluarkan dan menjual sesuatu produk tertentu, atau sama ada untuk mengubah suai peraturan cukai pendapatan bagi merangsang kegiatan perniagaan. Maklumat perakaunan digunakan dalam membuat keputusan-keputusan tersebut.

Seperti yang dicadangkan oleh berbagai-bagai jenis keputusan yang terdapat di atas, terdapat ramai *pengguna maklumat perakaunan*.

Pengguna boleh dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu *pengguna luaran* dan *pengguna dalaman*. *Pengguna dalaman* adalah orang-orang dalam sesuatu perniagaan atau entiti ekonomi lain, yang memerlukan maklumat perakaunan dalam membuat keputusan tentang kendalian dan aktiviti entiti. Pengguna-pengguna ini termasuklah pengurusan pada semua peringkat meliputi penyelia jabatan, kakitangan jualan, pengurus bahagian, pengurus wilayah dan pengurusan atasan.

Pengguna luaran pula adalah individu-individu atau kumpulan di luar sesuatu perniagaan atau entiti ekonomi yang lain. Entiti ini memerlukan maklumat perakaunan dalam memutuskan sama ada untuk terlibat atau tidak dengan entiti tersebut itu. Pengguna luaran termasuk pelabur, bank dan institusi kewangan, pembekal, kesatuan sekerja, kerajaan tempatan, kerajaan negeri, dan kerajaan persekutuan.

2.4.2 Akaun.

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan perkataan-perkataan akaun, penyata kewangan (Penyata pendagangan, penyata untung rugi dan kunci kira-kira) yang merujuk kepada definisi-definisi berikut:

(a) Akaun.

Akaun ialah dokumen perniagaan yang digunakan untuk merekod dan menyimpan maklumat kewangan urusniaga perniagaan. Akaun yang berasingan digunakan untuk setiap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

Dalam sesebuah koperasi mungkin mempunyai akaun untuk Tunai, Akaun Belum Terima, Bekalan pejabat, Kelengkapan Pejabat, Bangunan, Akaun Belum Bayar dan seumpamanya.

Nombor, jenis dan nama akaun bergantung kepada pengendalian sesebuah koperasi, jenis aset yang dimiliki dan liabiliti yang ditanggungnya.

(b) Penyata Kewangan.

Penyata Kewangan ialah laporan perakaunan yang digunakan untuk meringkaskan dan menyimpan maklumat mengenai perniagaan. Tiga penyata kewangan yang utama ialah penyata pendapatan, penyata perubahan kedudukan kewangan dan kunci kira-kira.

(c) Penyata Pendapatan.

Penyata Pendapatan ialah penyata kewangan yang meringkaskan hasil kegiatan perolehan koperasi untuk suatu tempoh yang tertentu. Penyata pendapatan menunjukkan hasil, belanja dan pendapatan bersih (atau kerugian bersih) bagi sesebuah koperasi untuk jangka masa itu. Hasil ialah harga yang dikenakan terhadap pelanggan koperasi bagi barangan atau perkhidmatan yang disediakan. Belanja pula ialah kos menyediakan barangan atau perkhidmatan. Pendapatan bersih ialah lebihan hasil berbanding dengan belanja sementara; kerugian bersih ialah apabila belanja melebihi hasil.

(d) Kunci Kira-Kira.

Kunci kira-kira ialah penyata kewangan yang digunakan untuk menunjukkan kedudukan kewangan koperasi pada sesuatu tarikh yang tertentu. Kunci kira-kira menyenaraikan aset, liabiliti dan ekuiti pemilik. Di mana aset ialah punca ekonomi bagi sesebuah koperasi yang dijangkakan akan mendatangkan hasil pada masa depan bagi koperasi tersebut.

Aset bagi koperasi antaranya ialah modal syer anggota, akaun untung rugi terkumpul dan kumpulan wang rizab. Liabiliti pula ialah obligasi ekonomi (hutang) sesebuah koperasi yang telah terlibat hasil daripada sesuatu urusniaga. Pihak luar yang menerima obligasi ekonomi biasanya dirujuk sebagai pemiutang koperasi. Manakala ekuiti pemilik koperasi ialah pelaburan aset semasa pemilik dalam koperasi. Stok perdagangan, wang di bank dan di tangan dan pelbagai penghutang merupakan antara aset semasa bagi koperasi.

Pengkaji-pengkaji telah menegaskan kepentingan penyata kewangan sebagai elemen penting dalam kendalian perniagaan termasuklah pengendalian koperasi. Pittsburg (1968) membuktikan 80% daripada pengusaha yang gagal di dalam sesuatu perniagaan disebabkan tidak menyimpan rekod akaun perniagaan

Demikian juga, Abdul Aziz (1982) mendapati usahawan-usahawan yang menyediakan rekod biasa, seperti buku tunai, buku hutang, dan jualan tidak mencapai kejayaan yang tinggi. Mereka yang menyediakan jurnal dan legar am mencapai 50% kadar kejayaan. Dan perniagaan yang menyediakan akaun kos, memperlihatkan peningkatan kadar kejayaan kepada 75%.

Juraidah (1982) yang membuat penilaian tentang perniagaan runcit bumiputra di Wilayah Persekutuan mendapati 76.7% daripada responden tidak menggunakan satu akaun yang sempurna dalam urusan perakaunan perniagaan mereka.

Zaleha (1992) yang membuat penelitian tentang pengurusan perakaunan koperasi turut menegaskan bahawa angka-angka dan penyata dari Lembaran Imbangan adalah mustahak bagi menentukan rancangan bagi perkembangan koperasi.

Gillespie dan Hecht (1987) menegaskan penyimpanan rekod yang baik dapat melaporkan kemajuan dan kemudahan sesuatu perniagaan. Ini termasuklah:

1. Pencapaian masa lalu.
2. Prestasi perniagaan tersebut pada masa kini dan masa akan datang
3. Maklumat tentang keperluan membuat sesuatu pengurusan
4. Maklumat yang digunakan oleh kerajaan
5. Asas perbandingan perniagaan

Malahan, Almaliah (1992) telah berjaya membuktikan terdapat hubungan yang signifikan di antara penyediaan penyata kewangan dalam penggunaan maklumat perakaunan dengan keuntungan tahunan dalam prestasi perniagaan.

Yusof Keling (1987) menghuraikan kepentingan penyata kewangan serta menekankan peri mustahaknya sesebuah koperasi menyediakan penyata kewangan yang lengkap. Keperluan bagi menyediakan penyata kewangan yang sempurna sejajar dengan peruntukan seksyen 58, Akta Koperasi 1993. Matlamat penyediaan penyata kewangan yang sempurna dan lengkap adalah bagi

pembentangan dalam mesyuarat agung tahunan koperasi, untuk membantu pihak pengurusan koperasi membuat keputusan mengenai had pinjaman yang diperlukan, dan untuk menyemak modal koperasi.

Yusof Keling (1987) juga menegaskan bahawa penyata kewangan akan hilang kepentingannya jika penyata berkenaan disediakan lewat dari tarikh yang sepatutnya, penyata kewangan tersebut tidak mampu menggambarkan keadaan sebenar dan saksama. Keberkesanan penyata kewangan kepada pengguna akan luput.

2.5 Pengurusan Akaun Koperasi.

Pengurusan akaun koperasi merupakan satu aspek penting dalam Akta Koperasi 1993. Terutama peruntukan-peruntukan yang tertakluk kepada Seksyen-Seksyen 58 (1), 58 (2), 58 (3), dan 60 (1).

Seksyen 58 (1) mengkehendaki Lembaga Koperasi memastikan bahawa rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain diselenggara dengan sebaik mungkin dan boleh menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan koperasi dengan benar dan saksama serta memudahkan pengauditan.

Seksyen 58 (2) mengkehendaki Lembaga Koperasi memastikan bahawa setiap transaksi dicatat dalam buku-buku akaun dengan seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lewat daripada tiga puluh hari dari selesainya sesuatu transaksi itu.

Seksyen 58 (3) juga menekankan aspek pengurusan akaun di mana pihak Lembaga Koperasi hendaklah memastikan bahawa apabila berakhir tahun kewangan

koperasi berkenaan pada setiap tahun, koperasi diperlukan menyediakan Akaun Akhir (akaun perdagangan, akaun untung rugi, kunci kira-kira dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan) dengan seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lewat daripada dua bulan, iaitu pada atau sebelum 31 Ogos bagi tahun berkenaan.

Manakala seksyen 60 (1) Akta Koperasi menekankan supaya Akaun Akhir (akaun perdagangan, akaun untung rugi, kunci kira-kira dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan) hendaklah diserahkan kepada juru audit luar untuk pengauditan pada atau sebelum 01 September untuk tahun berkenaan.

Oleh itu, adalah menjadi kuasa Lembaga bagi menentukan dengan benar dan betulnya semua akaun wang yang diterima dan dibelanja, menyenggara dengan betulnya semua akaun berkenaan dengan aset dan liabiliti koperasi, membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan dan menyemak serta mengawasi semua akaun, buku daftar dan dokumen lain diselenggara dan diurus dengan sempurna.

Malahan, Lembaga dikehendaki dalam mesyuarat agung tahunan membentangkan akaun perdagangan, akaun untung rugi, penyata sumber dan penggunaan wang serta kunci kira-kira dan laporan Lembaga.

Secara umumnya dalam sistem pengurusan kewangan koperasi dan segala tanggungjawab kewangan mestilah dijalankan mengikut kaedah dan cara yang sesuai berdasarkan kehendak Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi 1993.

Menurut Seksyen 44 Akta Koperasi menegaskan, pada umumnya Lembaga hendaklah mengarahkan, menguruskan dan mengawasi urusan wang dan aset koperasi dan menjalankan segala kuasa yang perlu untuk memastikan

pentadbiran dan pengurusan yang sepenuhnya dan sepatutnya akan hal ehwal kewangan koperasi.

Secara khususnya Bendahari adalah bertanggungjawab ke atas segala urusan kewangan koperasi.

2.6 Kesimpulan.

Bagi menjamin perkembangan dan kemajuan sesebuah koperasi beberapa perkara penting perlu diberi perhatian. Ia merangkumi: ahli yang ramai, cukup, modal dan pengurusan koperasi (Khalid Yunus, 1989); keputusan Lembaga Pengarah yang tidak dipengaruhi oleh faktor emosi dan faktor kebendaan, kakitangan syarikat koperasi yang tidak menganggotai Lembaga Pengarah sesebuah koperasi untuk badan pembuat dasar dan penanaman modal koperasi berdasarkan keuntungan yang dapat dinikmati bersama-sama oleh anggota-anggota koperasi (Ungku Abdul Azizi, 1992); dan penyertaan aktif ahli dan kekukuhan kewangan koperasi (Liadiaw, (1977). Faktor-faktor pengurusan akuan koperasi dapat memperlengkapkan unsur-unsur di atas supaya segala cita-cita dan matlamat penubuhan koperasi sekolah akan tercapai dengan cemerlang.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN.

3.0 Metodologi Kajian.

Metodologi kajian menghuraikan kaedah dan proses yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Secara ringkas, metodologi kajian adalah merangkumi perkara-perkara, seperti huraian tentang populasi dan sampel kajian, pembentukan instrumen kajian, ujian rintis instrumen, prosedur dalam pengumpulan data, reka bentuk kajian dan pembolehubah kajian, dan hipotesis-hipotesis kajian.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian dan ulasan karya telah diperinciikan dalam bab satu dan dua.

Prosedur seterusnya merangkumi:

1. Penentuan populasi dan sampel kajian.
2. Pembentukan soal selidik untuk kajian.
3. Kajian Rintis instrumen kajian.
4. Mengumpul Data
5. Reka bentuk kajian dan pembolehubah kajian.
6. Hipotesis-hipotesis kajian.

3.1 Huraian Populasi dan Sampel Kajian.

Populasi bagi kajian ini meliputi koperasi-koperasi sekolah dalam kategori

kepenggunaan yang terdapat di dalam Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan. Koperasi-koperasi berkenaan didaftarkan secara rasmi dengan Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Pihak Tengah dan Manjung. Senarai koperasi-koperasi berkenaan adalah seperti dalam jadual 3.1 (*lampiran D*).

Koperasi-koperasi ini mewakili 11 buah sekolah di daerah ini dibandingkan dengan 17 buah sekolah menengah yang terdapat di dalam bidang kuasa Pejabat Pendidikan Daerah Manjung.

Sampel yang terlibat dalam kajian ini merupakan guru-guru sekolah menengah di daerah ini. Mereka tergolong kepada Lembaga Koperasi dan Bukan Lembaga Koperasi bagi tahun pengendalian perniagaan 1998. Bilangan sampel yang digunakan ialah 110 orang. Dengan setiap sekolah melibatkan 5 orang Lembaga Koperasi dan lima orang guru bukan Lembaga Koperasi.

Sampel bagi Lembaga Koperasi terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, dan audit dalaman bagi tiap-tiap koperasi. 5 orang guru di setiap sekolah dipilih secara rawak berdasarkan sumber senarai guru-guru yang di dapati di Pejabat Pendidikan Daerah Manjung dan sekolah masing-masing. Sebilangan pelajar sekolah siswazah telah digunakan untuk menjalankan ujian rintis kali pertama instrumen kajian. Ujian rintis kali kedua dilakukan terhadap 30 orang guru di Sekolah Menengah Ahmad Boestama, Sitiawan, Perak.

3.2 Instrumen Kajian.

3.2.1 Pembentukan Instrumen Kajian.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbetuk soal selidik (*Lampiran B*). Soal selidik ini dibentuk setelah meneliti sorotan karya yang berkaitan dengan objektif kajian. Soalan-soalan soal selidik direka untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan persoalan kajian dan hipotesis dalam kajian ini. Isu utama kajian ini menyentuh persoalan persepsi guru-guru mengenai kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi sekolah.

Untuk itu instrumen telah dipecahkan kepada 6 bahagian yang membentuk bahagian A, B, C, D, E, dan F.

Bahagian A menghuraikan faktor-faktor demografi yang mempengaruhi persepsi guru-guru (anggota lembaga koperasi dan bukan lembaga koperasi) mengenai kepentingan pengurusan akaun dalam kejayaan koperasi-koperasi sekolah di daerah Manjung. Elemen demografi yang diberi penekanan ialah jantina, umur, pengalaman mengajar, taraf keanggotaan, jawatan Lembaga Koperasi, taraf pendidikan, lokasi sekolah, dan gred sekolah. Bahagian ini merangkumi soalan-soalan 01 hingga 10.

Bahagian B melihat tahap kefahaman sampel tentang penyata kewangan. Penyata yang dimaksudkan ialah penyata perdagangan, penyata untung rugi dan kunci kira-kira. Bahagian ini meliputi soalan-soalan 11 hingga 15.

Bahagian C melihat tahap kepekaan sampel terhadap keperluan Akta Koperasi

1993. Tumpuan diberi kepada Seksyen 58(1), 58(2), 58(3) dan Seksyen 60(1). Bahagian ini meliputi soalan-soalan 16 hingga 19.

Bahagian D pula melihat status kepatuhan koperasi sekolah terhadap keperluan Akta Koperasi 1993. Tumpuan juga diberi kepada Seksyen 58(1), 58(2), 58(3) dan Seksyen 60(1). Bahagian ini meliputi soalan-soalan 20 hingga 23.

Bahagian E melihat persepsi sampel terhadap kepentingan pengetahuan perakaunan koperasi bagi pihak Pengetua, Naib Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Lembaga Koperasi di kalangan guru-guru, Lembaga Koperasi di kalangan pelajar-pelajar dan anggota-anggota koperasi itu sendiri. Bahagian ini meliputi soalan-soalan 24 hingga 31.

Bahagian F melihat persepsi sampel tentang faktor-faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi sekolah. Bahagian ini meliputi soalan-soalan 32 hingga 48. Di mana soalan-soalan 32 hingga 40 merujuk kepada faktor-faktor kewangan dan soalan-soalan 41 hingga 48 merujuk kepada faktor-faktor bukan kewangan.

3.2.2 Kaedah Pengumpulan Data.

Data yang digunakan dalam kajian ini lebih banyak tertumpu kepada data premier. Data premier digunakan untuk mencapai objektif kajian dan pengujian hipotesis.

a. Soal selidik

Data-data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terpilih. Sebanyak 110 set borang soal selidik telah dihantar sendiri oleh penyelidik kepada sumber responden untuk mendapat maklum balas mereka berhubung dengan kajian ini. Maklumat yang dikumpulkan melalui borang soal selidik ini khusus untuk tujuan analisis faktor-faktor yang telah dipilih dalam pembentukan ujian hipotesis.

Soalan-soalan di dalam borang soal selidik ini melibatkan struktur soalan tertutup (*closed-ended question*) dan struktur soalan terbuka (*open-ended question*). Struktur soalan terbuka digunakan untuk mendapat maklumat-maklumat tambahan sahaja. Struktur soalan tertutup lebih ditekankan di dalam pengumpulan maklumat. Soalan bentuk ini memudahkan proses penganalisaan data dibuat kerana responden hanya diminta untuk memilih jawapan-jawapan yang disediakan.

Bentuk-bentuk soalan tersebut adalah:

i. Soalan Dikotomous (Dichotomous).

Soalan bentuk ini memerlukan responden memberi satu jawapan sahaja daripada pilihan-pilihan yang disediakan. Dalam instrumen kajian soalan-soalan bentuk ini merangkumi *Bahagian A*: 07, 08 dan 10; *Bahagian B*: soalan-soalan 11, 12, 13, 14, dan 15; *Bahagian C* : soalan-soalan 16, 17, 18, dan 19 ; *Bahagian D* : soalan-soalan 20, 21, 22 dan 23.

ii. Soalan Skala Linkert/Interval.

Soalan bentuk ini mengukur pandangan responden terhadap aspek-aspek tertentu berkaitan dengan kajian. Setiap jawapan adalah berdasarkan kepada skala-skala yang telah ditetapkan. Bagi kajian ini penyelidik menggunakan *single scale linkert-type response category*. Item respon dan angka pemberatan skala adalah:

5	<i>amat setuju</i>
4	<i>setuju</i>
3	<i>tidak pasti</i>
2	<i>tidak setuju</i>
1	<i>amat tidak setuju</i>

Dalam soal selidik kajian ini skala tersebut digunakan dalam *Bahagian E* untuk soalan-soalan 24 hingga 31 dan *Bahagian F* untuk soalan-soalan 32 sehingga 48.

b. Temu Bual.

Selain daripada penggunaan soal selidik, temubual secara tidak langsung juga diadakan semasa mengedarkan borang soal selidik kepada semua responden dalam menerangkan tujuan kajian ini dan soalan-soalan yang dikemukakan.

Proses ini dijalankan bagi memudahkan penyelidik mendapatkan respon yang sebenar serta kefahaman responden tentang objektif kajian ini. Temubual ini hanya dijalankan di kawasan sekolah responden. Ia juga dilakukan di luar waktu bertugas

bagi memberi keselesaan kepada responden. Dengan temu bual pengkaji akan memperlengkapkan maklumat dan pandangan berhubung dengan kajian ini.

Untuk mengemaskinikan dan melengkapkan data dan maklumat yang sedia ada temubual-temubual dilakukan dengan (1) Pegawai Pendidikan daerah Manjung, (2) Pegawai Koperasi, Jabatan Pembangunan Koperasi Daerah Manjung, (3) Pengetua-Pengetua, (4) Lembaga Pengarah dan (5) ahli-ahli koperasi. Program temu bual ini mampu membina maklumat tambahan dalam penyelidikan ini.

c Rujukan Perpustakaan

Maklumat asas mengenai kajian lebih tertumpu kepada kajian perpustakaan terutama definisi-derfinisi konsep yang diuraikan dalam bab satu, dua, dan tiga.

Pembacaan daripada buku-buku, jurnal, artikel, majalah, laporan tahunan, laporan ekonomi, tesis-tesis dan lain-lain bahan ilmunan dimanfaatkan sepenuhnya.

d Rujukan Koperasi Sekolah.

Rujukan khusus ke tempat kajian juga dilaksanakan bagi mendapat maklumat yang objektif.

Dukemen-dokumen penting dari koperasi telah diperolehi yang mempunyai maklumat lengkap dan tepat tentang koperasi yang dikaji.

Dua antara dokumen yang mustahak ialah: (a) Penyata-Penyata Kewangan dan (b) Minit-Minit Mesyuarat.

e. Pemerhatian.

Tinjauan tentang lokasi, kegiatan kakitangan dan aktiviti-aktiviti koperasi ini memastikan ketepatan maklumat yang diperolehi.

3.3. Ujian Rintis Instrumen Kajian.

Draf asal kajian ini telah disemak berulang kali ketika proses pembentukannya. Pertama kali soal selidik ini telah diserahkan kepada pelajar-pelajar Sarjana Sains Pengurusan, Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia untuk membuat sebarang komen terhadap struktur dan kebolehbacaan instrumen. Semakan dan pembetulan telah dilakukan bersandarkan komen mereka. Penelitian ketepatan kandungan faktor-faktor pengurusan akaun telah dilakukan dengan mengadakan sesi perbincangan dengan Pegawai Pembangunan Koperasi Daerah Manjung untuk mendapatkan ketepatan maklumat instrumen. Versi yang telah diperbaiki akhirnya telah dihantar kepada pihak penyelia kajian ini untuk semakan.

Beberapa kali sesi perbincangan telah dilakukan dengan penyelia. Berdasarkan cadangan-cadangan beliau instrumen telah diperbaiki lagi. Muka hadapan dan beberapa aspek teknikal soal selidik telah diperkemas kini sebelum draf terakhir dihasilkan.

Soal selidik ini telah dibuat kajian rintis terlebih dahulu sebanyak dua kali untuk menguji ketekalan dalaman (*internal consistensi*) agar memperolehi keesahan yang tinggi. Dalam kajian rintis yang pertama penyelidik telah mengujinya ke atas tiga puluh orang responden. Skor-skor yang diperolehi digunakan untuk mendapat ketekalan dalaman bagi setiap faktor yang mempengaruhi persepsi guru-guru tentang item-item kajian. Terdapat beberapa item yang lemah dan kabur. Item-item tersebut diperbaiki dari segi bahasa dan struktur ayat untuk mengelakkan tafsiran yang berbeza dan responden dapat menjawabnya dengan tepat. Kemudian sekali lagi ujian rintis dijalankan dan penyelidik berpuas hati dengan jawapan yang diterima dan keesahannya adalah tinggi iaitu pada 0.7982 (Jadual 3.2 dalam *Lampiran C*).

Keseluruhan Koeffisien Alpha item soalan menunjukkan lebih dari 0.60. Ini bererti kebolehpercayaan alat ujian boleh digunakan (Mohd Majid (1990). Menurut Sakaran (1992), semakin hampir nilai alpha kepada 1.0, maka semakin tinggi kebolehpercayaan dalamannya. Nilai Alpha yang kurang dari 0.6 dianggap lemah, 0.7 boleh diterima manakala melebihi 0.8 ia dianggap sebagai baik

Semakan terakhir pihak penyelia dilakukan untuk meneliti ketepatan kandungan, arahan dan teknik persembahan sebelum draf terakhir ini disediakan dalam bentuk salinan bagi penghantaran kepada responden.

3.4. Prosedur Untuk mengumpul Data.

Persediaan peringkat awal merupakan penerimaan surat arahan untuk membuat

kajian daripada Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia bagi memenuhi syarat keperluan penganugerahan sarjana. Menerusi surat ini surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dipohon.

Ini sejajar dengan peraturan untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah di bawah bidang kuasa kementerian pendidikan Malaysia. Surat kebenaran daripada pengarah pendidikan negeri Perak diperolehi bagi tujuan kebenaran menggunakan sampel kajian sekolah di daerah Manjung.

Senarai koperasi-koperasi daerah Manjung yang didaftarkan dengan Pejabat Pembangunan Koperasi diperolehi untuk meneliti sekolah-sekolah yang menubuhkan koperasi di peringkat sekolah.

Satu tinjauan awal dilakukan ke sekolah-sekolah menengah daerah Manjung untuk mendapat senarai nama Lembaga Koperasi sekolah masing-masing. Senarai nama guru-guru bagi setiap sekolah juga diperolehi. Dari setiap senarai tersebut lima orang guru dipilih secara rawak untuk mewakili 5 orang sampel guru bagi setiap sekolah.

Penyelidik mendapatkan surat sokongan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Manjung dan Pejabat Pembangunan Koperasi daerah Manjung bagi memudahkan penyelidik mendapat kerjasama daripada pihak pentadbiran sekolah ketika menjalankan kajian.

Pakej instrumen yang telah disediakan oleh penyelidik diberi kepada setiap Lembaga Koperasi dan guru-guru yang terbabit dalam kajian ini. Pakej ini mengandungi surat iringan, arahan dan instrumen soal selidik. Surat iringan

menghuraikan tentang kajian dan tujuan kajian. Responden dikehendaki menyempurnakan instrumen dan kembalikan kepada pengkaji sebaik sahaja soal selidik dilengkapkan.

Untuk memastikan ketinggian realibiliti, setiap responden ditegaskan bahawa maklumat yang diperolehi dianggap sulit. Manakala data-data yang diperolehi dianalisa secara kumpulan bukannya individu dan hasilnya akan menggambarkan data peringkat daerah Manjung.

Ketika responden menjawab semua soalan dan pengkaji berada bersama untuk menerima sebarang kemuskilan daripada mereka. Untuk memperolehi tahap pulangan soal selidik yang lengkap yang tinggi responden dikehendaki memulangkan instrumen secepat mungkin apabila soal selidik siap dijawab semuanya.

3.5. Reka bentuk Kajian dan Pembolehubah Kajian.

3.5.1 Reka Bentuk Kajian.

Menurut Kerlinger (1973), reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan mengawal varians yang tidak berkaitan dengan penyelidikan. Oleh itu satu reka bentuk kajian yang kemas diperlukan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab persoalan kajian.

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan *descriptive type of survey*. Tumpuan pengkaji memberatkan dengan dapatan persepsi responden

mengenai faktor-faktor pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi. Istilah **persepsi** ini dirujuk kepada perkataan *perception* berdasarkan *Webster dictionary* yang mempunyai kerangka makna:

any act or process of knowing objects, facts or truths, whether by sense experience, or by thought; awareness of objects; consciousness..... In psychology: "having ideas" and perceptions are the same things; reference of sensations, as (with) direct acquaintance with anything through the senses ... by seeing or hearing it ... mean immediate or intuitive cognition or judgement; an insight analogous to sense perception in respect of immediacy and the feeling of certainty accompanying it ...

(Webster New International Dictionary, 1997).

Untuk kajian ini, penyelidik telah memilih reka bentuk tinjauan (survey) dengan menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah tinjauan didapati sesuai dalam pengurusan kajian seperti ini kerana tinjauan yang hendak dilakukan hanya mengenai persepsi responden terhadap persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan. Selain itu ia hanya melibatkan kerja-kerja pengumpulan data dan maklumat dari responden yang terlibat sahaja. Kajian ini tidak berhasrat untuk membuat perbandingan atau mengkaji perkaitan atau mencari sebarang perkaitan. Oleh itu lain-lain kaedah penyelidikan tidak diperlukan.

Kajian yang dijalankan ini memberi tumpuan khusus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

Menurut Issac (1982), kaedah tinjauan adalah satu cara untuk mengumpul maklumat bagi menjelaskan ciri-ciri atau sifat pelbagai data termasuk data yang

merangkumi pandangan dan sikap. Maklumat yang diperolehi akan digunakan untuk menyatakan keadaan sebenar sesuatu perkara yang berkaitan dengan sesuatu komuniti dalam konteksnya yang tersendiri.

Maklumat yang diperolehi akan digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan pada bahagian awal sesuatu kajian. Antara kelebihan kaedah tinjauan ialah ianya boleh meliputi populasi yang luas. Kaedah ini juga boleh digunakan untuk mengumpul data daripada responden menyentuh persoalan nilai, pandangan dan perhubungan sosial responden berkenaan.

Menurut Babbie (1973), kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian adalah bersifat logik, saintifik dan khusus. Ukuran secara kuantitatif dan kualitatif mudah diperolehi dan dengan ini dapat membantu penyelidik dalam meninjau pandangan responden berkaitan nilai, pengalaman dan perhubungan sosial mereka.

Sidi Ghazalba (1981) pula menyatakan bahawa penyelidikan berbentuk tinjauan adalah bersifat umum. Ini dapat membantu penyelidik memahami keseluruhan skop kajian dengan sampel yang kecil. Data yang dikumpul adalah bersifat kuantitatif dan boleh dianalisis secara logik.

Menurut Syed Arabi (1993) soal selidik ini adalah satu alat yang penting bagi seseorang pengkaji kerana kualiti atau mutu soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya. Jika soalan dalam soal selidik kabur, maka jawapan yang diperolehi itu tidak akan memberikan pengertian yang nyata.

Kajian berbentuk soal selidik adalah satu bentuk kajian yang popular digunakan di

kalangan penyelidik kerana soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah. Soalan-soalan dinyatakan dengan jelas sehingga responden boleh menjawabnya tanpa memerlukan kehadiran penyelidik. Melalui soal selidik maklumat berhubung dengan responden boleh dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa perlu rasa tertekan atau bimbang.

Walau bagaimanapun, langkah pengawasan yang longgar boleh mengakibatkan tahap perolehan yang rendah. Selain itu mungkin terdapat soalan-soalan dalam soal selidik yang sukar difahami oleh responden atau ayat yang dikemukakan akan menghasilkan tafsiran yang berbeza-beza di kalangan responden. Ini akan menghasilkan jawapan yang kurang tepat dari responden yang berpunca dari kelemahan penyelidik dalam menyusun struktur ayat dalam soal selidik tersebut.

Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup. Jenis soalan ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana dia hanya dikehendaki memilih satu dari beberapa jawapan yang diberikan (Syed Arabi: 1993).

Data yang diperolehi dari soal selidik telah dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan program terkini '*Statistical Packages for Social Science 7.5 for Window*' (*SPSS 7.5 for Window*).

Analisis deskriptif digunakan dalam bahagian A untuk menguji kekerapan, min, peratusan serta penyusunan data manakala analisis inferensi digunakan dalam bahagian B, C, D, E dan F untuk pengujian hipotesis. Hipotesis diuji dengan menggunakan ujian statistik ujian-t pada aras signifikan 0.05 sebagai panduan bagi penerimaan atau penolakan sesuatu hipotesis.

3.5.2. Pembolehubah Kajian.

Pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini meliputi:

(a) Pembolehubah Tidak Bersandar

Terdapat pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini. Pembolehubah berkenaan ialah: faktor-faktor demografi guru-guru Lembaga Koperasi (Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, juru audit dalaman) dan guru-guru bukan Lembaga Koperasi. Faktor-faktor demografi yang dipilih untuk kajian ini ialah umur, jantina, jawatan, gred sekolah dan lokasi sekolah.

(b). Pembolehubah Bersandar

Kajian ini haya menggunakan enam pembolehubah bersandar iaini:

1. Kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun; 2. Kepekaan tentang Akta Koperasi 1992; 3. Status kepatuhan tentang Akta Koperasi 1993; 4. Kepentingan pengurusan akaun koperasi; 5. Faktor kewangan sebagai pengukuran kejayaan koperasi sekolah dan; 6. Faktor bukan kewangan sebagai pengukuran kejayaan koperasi sekolah.

3. 6. Hipotesis-Hipotesis Null :

Untuk kajian ini pengkaji menggunakan 11 hipotesis, iaitu:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi

berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun.

2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi naib pengerusi, setiausaha dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kepekaan terhadap peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan status kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari Lembaga Koperasi dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan perempuan berhubung dengan kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.
6. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru yang mengajar di sekolah gred A dengan guru-guru yang mengajar di sekolah gred B berhubung dengan kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

7. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru sekolah luar bandar tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.
8. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara bendahari Lembaga Koperasi dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.
9. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru lelaki dengan guru-guru perempuan Koperasi tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.
10. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru-guru yang mengajar di sekolah gred A dengan guru-guru yang mengajar di sekolah gred B tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.
11. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru-guru yang mengajar di sekolah dalam bandar dengan guru-guru yang mengajar di luar bandar tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

3. 7. Hipotesis-Hipotesis Alternatif kajian :

Untuk kajian ini pengkaji menggunakan 11 hipotesis alternatif, iaitu:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi naib pengerusi, setiausaha dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kepekaan terhadap peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan status kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari Lembaga Koperasi dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan perempuan berhubung dengan kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

6. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru yang mengajar di sekolah A dengan guru-guru yang mengajar di sekolah B berhubung dengan kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.
7. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru sekolah luar bandar tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.
8. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara bendahari Lembaga Koperasi dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.
9. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru lelaki dengan guru-guru perempuan Koperasi tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.
10. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru-guru yang mengajar di sekolah gred A dengan guru-guru yang mengajar di sekolah gred B tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.
11. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru-guru yang mengajar di sekolah dalam bandar dengan guru-guru yang mengajar di luar bandar tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pendahuluan

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat persepsi guru-guru berhubung dengan kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun dalam menentukan kejayaan koperasi-koperasi sekolah daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan. Bab ini membentangkan segala dapatan kajian daripada data yang telah dianalisis. Keseluruhan analisis jawapan yang diberikan oleh responden dihuraikan dalam bentuk deskriptif dan unjuran hipotesis.

Instrumen kajian ini terbahagi kepada Bahagian A : maklumat diri responden, Bahagian B : kefahaman Lembaga Koperasi (bukan Lembaga Koperasi tidak perlu menjawab bahagian ini) mengenai penyata kewangan dan akaun, Bahagian C : kepekaan Lembaga Koperasi (bukan Lembaga Koperasi tidak perlu menjawab bahagian ini) mengenai Akta Koperasi 1993, Bahagian D : status kepatuhan sekolah responden Lembaga Koperasi (Bukan Lembaga Koperasi tidak perlu menjawab bahagian ini) tentang Akta Koperasi 1993. Bahagian E : persepsi Lembaga Koperasi dan bukan Lembaga Koperasi mengenai kepentingan pengurusan akaun koperasi, dan Bahagian F : persepsi Lembaga Koperasi dan guru-guru bukan Lembaga Koperasi mengenai faktor-faktor kewangan dan bukan kewangan yang menjadi pengukur kejayaan sesebuah koperasi sekolah.

4.1 Responden.

Sebelum membincangkan lebih lanjut mengenai hasil kajian secara khususnya hipotesis dan dapatan kajian, terlebih dahulu penyelidik akan menerangkan latar belakang responden.

Instrumen kajian telah dihantar sendiri oleh pengkaji kepada 110 guru-guru berkenaan. Hasil daripada kerjasama pihak Jabatan Pendidikan Daerah Manjung, Jabatan Pembangunan Koperasi Manjung/Perak Tengah, pihak sekolah dan guru-guru, penyelidik telah dapat mengumpul kesemua borang soal selidik tersebut.

Menurut Kerlinger (1973), nilai-nilai minimum pulangan yang diperlukan dalam pentadbiran soal selidik ialah 80%. Nilai minimum itu perlu bagi mencapai paras keyakinan yang memuaskan terhadap dapatan kajian. Penyelidikan ini telah mendapat pulangan keseluruhan soal selidik yang telah ditadbirkan sebanyak 100%. Berdasarkan nilai yang diberi oleh Kerlinger, maka dapatan daripada penyelidikan ini adalah dianggap meyakinkan.

4.2 Demografi Responden.

Sampel kajian ini melibatkan guru-guru sekolah menengah yang koperasi mereka berdaftar secara rasmi dengan Jabatan Pembangunan koperasi Manjung/Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan. Berikut adalah latar belakang responden.

4.2.1 Bilangan Responden Mengikut Umur

Julat umur responden antara 24 hingga 54 tahun. Min umur Pengerusi (47.5 tahun), Naib Pengerusi (42.5 tahun), Setiausaha (30.7 tahun), Bendahari (35.7 tahun) dan juruaudit (31.6 tahun). Manakala min umur bagi guru-guru bukan Lembaga Koperasi adalah 36.7 tahun.

Daripada 110 orang responden Rajah 4.1 (*Lampiran D*) yang menjawab borang soal selidik, 30 orang atau 27.3% berumur kurang daripada 30 tahun. 29 orang atau 26.4% berumur antara 30 tahun hingga 39 tahun dan 46 orang atau 41.8% berumur antara 40 hingga 49 tahun. Manakala bakinya sebanyak 5 orang atau 4.5% berumur melebihi 50 tahun. Ini menunjukkan responden mewakili pelbagai kategori umur.

4.2.2 Bilangan Responden Mengikut Jantina.

Jadual 4.2 : Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus	% kekerapan	% kumulatif
Lelaki	35	31.8	31.8	31.8
Perempuan	75	68.2	68.2	100.0
Total	110	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Jadual 4.2 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Daripada seramai 110 orang responden, 35 orang atau 31.8% adalah lelaki dan 75 orang atau 68.2% adalah perempuan. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah perempuan.

4.2.3 Responden Mengikut Jawatan

Taburan responden mengikut jawatan yang disandang ditunjukkan dalam jadual 4.1 (*Lampiran D*). Didapati 11 responden daripada Lembaga Koperasi atau 10% terdiri dari Pengerusi. Demikian juga bagi jawatan Naib Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan lain-lain anggota Lembaga. Masing-masing 11 orang atau 10% daripada responden. Bilangan guru-guru bukan Lembaga Koperasi pula ialah 55 responden atau 50%. Bagi tujuan analisis data, jawatan dalam koperasi akan dikategorikan sebagai guru-guru Lembaga Koperasi dan guru-guru bukan Lembaga Koperasi. Guru-guru Lembaga Koperasi merujuk kepada guru-guru yang menjawat jawatan Lembaga Koperasi ketika penyelidikan dilakukan. Guru-guru bukan Lembaga Koperasi merujuk kepada guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah yang menjadi sampel kajian dan tidak menjawat jawatan Lembaga Koperasi sekolah pada ketika itu.

4.2.4 Tempoh Pengalaman Mengajar.

Merujuk kepada jadual 4.3 di bawah, maka julat tempoh pengalaman mengajar responden guru-guru Lembaga Koperasi antara 1 hingga 29 tahun

dengan min 11.04. Demikian juga guru-guru bukan Lembaga Koperasi antara 1 hingga 29 tahun dengan min 11.04 tahun.

Jadual 4.3 : Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar.

	Bilangan	Julat	Minimum	Maksimum	Min
Tempoh	110	28	1	29	11.04
Total	110				

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

4.2.5 Taraf Pendidikan.

Merujuk kepada gambar rajah 11 (*lampiran D*) jadual ini menghuraikan ciri deskriptif responden berdasarkan bidang pengkhususan pengajian akademik masing-masing.

Didapati responden di daerah Manjung tergolong kepada 7.3% mempunyai pendidikan pada peringkat sijil, 29.1% pendidikan pada peringkat diploma, 60.9% pendidikan pada peringkat sarjana muda dan 2.7% pendidikan pada peringkat sarjana. Terdapat responden yang memiliki pengkhususan akademik yang bersesuaian untuk dimanfaatkan sebagai pengurus dan pentadbir koperasi sekolah. Di mana 10% daripada 110 responden mempunyai ijazah sarjana muda Matematik, 9.1% sarjana muda Ekonomi, 5.5 % sarjana muda Perakaunan dan 1.8% sarjana muda Pengurusan Perniagaan. Malahan terdapat 1.8% responden mempunyai ijazah sarjana Pengurusan.

4.2.6 Lokasi Sekolah

Jadual 4.4 menggambarkan taburan responden berdasarkan lokasi sekolah. Di mana 45.5% atau 50 responden mengajar di sekolah dalam bandar. Manakala 54.5% atau 60 responden mengajar di sekolah luar bandar. Berdasarkan data cuma terdapat sedikit perbezaan jumlah responden antara kedua-dua lokasi ini.

Jadual 4.4 : Taburan Lokasi Sekolah Responden

Lokasi	Kekerapan	Peratus	% Kekerapan	% Kumalitif
Bandar	50	45.5	45.5	45.5
Luar bandar	60	54.5	54.5	100.0
Total	110	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

4.2.7 Gred Sekolah

Jadual 4.5 menggambarkan taburan responden berdasarkan gred sekolah. Didapati 45.5% atau 50 responden mengajar di sekolah gred A. Manakala 54.5% atau 60 responden mengajar di sekolah gred B. Berdasarkan data cuma terdapat sedikit perbezaan jumlah responden antara kedua-dua gred sekolah di daerah ini.

Jadual 4.5 : Taburan Responden Berdasarkan Gred Sekolah

Gred Sekolah	Kekerapan	Peratus	% Kerapan	% Kumalitif
Gred A	60	54.5	54.5	54.5
Gred B	50	45.5	45.5	100.0
Total	110	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

4.2.8 Keanggotaan Koperasi Sekolah.

Dengan merujuk kepada jadual 4.6, 74 orang responden atau 67.3% adalah seorang anggota koperasi sekolah. Hanya 36 responden iaitu 32.7% yang tidak menjadi anggota koperasi sekolah. Ini bererti majoriti responden adalah anggota koperasi sekolah.

Jadual 4.6 : Taburan Responden Berdasarkan Keanggotaan Koperasi.

Keanggotaan	Kekerapan	Peratus	% Kekerapan	% Kumalitif
Ya	74	67.3	67.3	67.3
Tidak	36	32.7	32.7	100.0
Total	110	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

4.2.9 Pengalaman Lembaga Koperasi Sekolah,

Taburan responden yang mempunyai pengalaman menjadi Lembaga Koperasi sekolah ditunjukkan dalam jadual 4.7. Didapati 56 responden (50.9%) pernah menjadi Lembaga Koperasi sekolah. Ini membawa pengertian 55 responden atau 50% yang sedang menjawat jawatan Lembaga Koperasi sekarang dan 1 responden atau 0.9% pernah menjawat jawatan tersebut sebelumnya. Manakala 54 responden atau 49.1% tidak pernah menjawat jawatan Lembaga koperasi. Kelompok ini merupakan sejumlah 99.1% guru-guru bukan Lembaga Koperasi yang menjadi responden kajian ini.

Jadual 4.7 : Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman
Menjawat Jawatan Lembaga Koperasi Sekolah.

Pengalaman	Kekerapan	Peratus	% Kekerapan	% Kumalitif
Pernah	Ya	56	50.9	50.9
	Tidak	54	49.1	100.0
Total		110	100.0	

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Untuk menggambarkan taburan kekerapan tempoh pengalaman menjadi Lembaga Koperasi boleh dirujuk kepada jadual 4.8 (*Lampiran D*). Didapati 54 atau 49.1% daripada responden yang tidak mempunyai pengalaman menjadi Lembaga Koperasi. 31.1% atau 34 responden mempunyai pengalaman antara 1 hingga 2 tahun. 11.8% atau 13 responden mempunyai pengalaman antara 3 hingga 4 tahun. 4.5% atau 5 orang responden mempunyai pengalaman manjawat jawatan selama 5 hingga 6 tahun. Akhir sekali cuma 3.6% atau 4

orang responden mempunyai pengalaman Lembaga Koperasi antara 7 hingga 8 tahun.

Tempoh Pengalamam menjadi Lembaga Koperasi dirujuk kepada jadual 4.9, di mana julat tempoh pengalaman menjadi Lembaga Koperasi responden Lembaga Koperasi antara 0 hingga 8 tahun dengan min 1.39 tahun.

Jadual 4. 9 : Tempoh Pengalaman Lembaga Koperasi.

Tempoh	N	Min	Julat	Minimum	Maksimum
Pengalaman	110	1.39	8	0	8
Total		110			

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

4.3 Tahap Pengukuran Pembolehubah

Adalah sukar untuk mengukur dan menggambarkan persepsi individu kerana ia bersifat abstrak dan relatif dalam menggambarkan sesuatu nilai.

Persepsi terhadap pemilihan ini bermula dengan markah minimum 1 hingga markah maksimum 5 untuk item-item soal selidik. Markah 1 mewakili amat tidak bersetuju, kah 2 mewakili tidak setuju, markah 3 mewakili tidak pasti, markah 4 mewakili setuju dan markah 5 membawa maksud amat setuju. Dalam kajian ini penyelidik telah menetapkan persepsi dengan pembolehubah-pembolehubah yang lain, ianya

diukur dengan menggunakan min. Oleh itu markah minimum ialah 1, markah maksimum 5 dan markah penengah pula ialah 2.5.

4.3.1 Analisis Kefahaman, Kepekaan dan Kepatuhan

Jadual 4.10: Taburan Kedudukan Markah Dan Item Persepsi

	Bilangan		Minimum	Maksimum	Jumlah
FAHAM	55	55	1.00	3.00	76.62
PATUH	55	55	1.00	2.50	70.00
PEKA	55	55	1.00	3.00	78.00

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Bagi pembolehubah kefahaman, empat item telah dikemukakan. Item-item tersebut menyentuh soal kefahaman tentang konsep asas penyata kewangan, kefahaman tentang penyediaan penyata kewangan, kefahaman tentang isi kandungan penyata kewangan, tahu membaca penyata kewangan dan kebolehan membuat analisis menggunakan penyata kewangan. Daripada kajian yang dilakukan kepada Lembaga Koperasi sekolah 76.2% responden menunjukkan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun. Ini bermakna sebahagian besar responden memahami mengenai panyata kewangan dan akaun.

Bagi pembolehubah kepekaan terhadap Akta Koperasi 1993, empat item telah dikemukakan. Item-item tersebut meliputi kepekaan kepada keperluan seksyen-seksyen 58(1), 58(2), 58(3) dan 60(1) akta berkenaan.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan hanya 30% responden Lembaga Koperasi menunjukkan ketidakpekaan responden tentang peraturan-peraturan Seksyen-Seksyen Akta Koperasi 1993. Ini jauh berbeza dengan 70% yang menunjukkan kepekaan tentang peraturan-peraturan Seksyen-Seksyen di atas Akta Koperasi 1993. Ini bermakna majoriti responden telah menunjukkan kepekaan yang tinggi terhadap seksyen-seksyen akta berkenaan.

Untuk pembolehubah status kepatuhan, empat item telah dikemukakan. Item-item tersebut meliputi status kepatuhan kepada keperluan seksyen-seksyen 58(1), 58(2), 58(3) dan 60(1) Akta Koperasi 1993. Kebanyakan responden menunjukkan status pematuhan sekolah yang tinggi tentang keperluan Seksyen-Seksyen akta tersebut. 78% responden menjelaskan bahawa koperasi sekolah mematuhi keperluan seksyen-seksyen dan hanya 22% responden menjelaskan bahawa koperasi sekolah tidak mematuhi keperluan seksyen-seksyen itu.

4.4 Pengujian Hipotesis Hubungan Di antara Pembolehubah-Pembolehubah

Bebas dengan Pembolehubah Bersandar

Bahagian ini akan menjawab persoalan tentang hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar berdasarkan Ujian-t. Jika keputusan sampel tidak menyokong hipotesis nul, keputusan yang diterima adalah hipotesis alternatif. Bagi hipotesis nul gagal

ditolak atau ditolak berdasarkan aras alpha 0.05, darjah kebebasan dan nilai t berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t. Berdasarkan data-data yang dikumpul ujian-ujian hipotesis untuk kajian ini dijalankan.

Ini bermakna pengujian hipotesis nul adalah untuk melihat perkaitan di antara pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi persepsi guru-guru Lembaga Koperasi dan bukan Lembaga Koperasi terhadap kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi-koperasi sekolah daerah Manjung

4.4.1 Hipotesis 1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun. Item-item 11a hingga 15 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kefahaman berkenaan.

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul pertama. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.11 menunjukkan nilai min bendahari 1.0699 dan min pengerusi 1.359 manakala nilai t ialah -2.830. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai t berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+-2.0860).

Demikian juga dapatan nilai min naib pengerusi 1.5594 dan nilai t -2.6580 . Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai

tahuran t berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 2.0860).

Jadual 4.11 : Keputusan Ujian- t Hipotesis 1.

Jawatan	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Kefahaman					
Bendahari	11	1.0699	.1262		
Pengerusi	11	1.3590	.3026	-2.830	20
Naib Pengerusi	11	1.5594	.4028	-2.658	20
Setiausaha	11	1.2236	.4882	-1.024	20
Lain-Lain Lembaga	11	1.7622	.6558	-3.438	20

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Namun dapatan ini menunjukkan min setiausaha 1.4822 dan nilai t -1.204 . Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia gagal ditolak kerana nilai tahuran t berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 2.0860).

Walaupun demikian dapatan menunjukkan nilai lain-lain Lembaga Koperasi adalah 1.7622 dan nilai t -3.4382 . Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai tahuran t berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 2.0860).

Kesimpulannya, ujian hipotesis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi dan lain-

lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun. Namun tiada perbezaan yang signifikan bagi persepsi setiausaha Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun.

4.4.2 Hipotesis 2

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengurus naib pengurus, setiausaha dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kepekaan terhadap peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993. Item-item 16 hingga 19 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepekaan berkenaan.

Jadual 4.12 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 2.

Jawatan	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Peka					
Bendahari	11	1.0455	.1011		
Pengurus	11	1.3636	.6458	-1.614	20
Naib Pengurus	11	1.634	.5519	-3.493	20
Setiausaha	11	1.714	.4387	-2.936	20
Lain-Lain Lembaga	11	1.8182	.6334	-3.996	20

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul ini. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.12 menunjukkan menunjukkan nilai min bendahari 1.0455 dan min pengerusi 1.3636 . Nilai t pula ialah -1.614 . Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka gagal ia ditolak kerana nilai tahanan t berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 2.0860).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi tentang kepekaan keperluan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Dapatan seterusnya menunjukkan nilai min naib pengerusi 1.6364 dan nilai t - 3.493. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai tahanan t berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 2.0860).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan naib pengerusi tentang kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.15 menunjukkan nilai min setiausaha 1.6364. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai tahanan t (-2.936) berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 2.0860).

Ia juga menunjukkan min lain-lain Lembaga koperasi ialah 1.8182. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai taburan t (-3.996) berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+/-2.0860).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan Lain-lain Lembaga Koperasi tentang kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Keimpulannya, ujian hipotesis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan setiausaha, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993. Namun tiada perbezaan yang signifikan antara bendahari dengan pengerusi tentang kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

4.4.3 Hipotesis 3

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi, setiausaha dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan status kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993. Item-item 20 hingga 23 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepatuhan berkenaan.

Ujian- t digunakan untuk menguji hipotesis nul ketiga. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.13 menunjukkan nilai min bendahari 1.0455

pengerusi 1.0682, naib pengerusi 0.4545, setiausaha 0.4251 dan lain-lain Lembaga Koperasi 0.5750. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka faktor pengerusi gagal ditolak kerana nilai t-hurung berada di luar kawasan penolakan (0.395) yang dikira menerusi jadual taburan t (+/-2.0860).

Jadual 4.13 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 3.

Jawatan	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Status Kepatuhan					
Bendahari	11	1.0455	.1011		
Pengerusi	11	1.068	.1617	-0.395	20
Naib Pengerusi	11	.4545	.4588	2.890	20
Setiausaha	11	1.2727	.4251	-2.271	20
Lain Lembaga	11	.5527	.5750	-1.725	20

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Oleh itu, ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi tentang status kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.13 nilai min naib pengerusi 0.4545. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai t-hurung berada di dalam kawasan penolakan (2.890) yang dikira menerusi jadual taburan t (+/- 2.0860).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan naib pengerusi tentang status peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Dapatan dalam jadual 4.16 memperlihatkan juga nilai min setiausaha 1.2727. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia ditolak kerana nilai

tahuran t (2.2711) berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+/- 2.0860).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan setiausaha tentang status peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.16 menunjukkan nilai min bendahari 1.0455 dan min lain-lain Lembaga Koperasi 0.5527. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 20 maka ia gagal ditolak kerana nilai tahuran t (-1.725) berada di dalam kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+/-2.0860).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan lain-lain Lembaga Koperasi tentang status kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Keimpulannya, ujian hipotesis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan setiausaha, dan naib pengerusi

berhubung dengan kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993. Namun tiada perbezaan yang signifikan antara bendahari dengan pengurus dan lain-lain Lembaga Koperasi tentang kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

4.4.4 Hipotesis 4

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari Lembaga Koperasi dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah. Item-item 24 hingga 31 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepentingan berkenaan.

Jadual 4.14 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 4.

Jawatan	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Kepentingan					
Bendahari	11	1.0699	.1262		
Bukan Lembaga	55	1.3497	.3026	-.566	64

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul keempat. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.14 menunjukkan nilai min bendahari 1.0699 dan min guru-guru bukan Lembaga Koperasi 1.3497. Dengan aras alpha 0.05 dan

darjah kebebasan 64 maka H_0 gagal ditolak kerana nilai taburan t (-.556) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+-1.674).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang

kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

4.4.5 Hipotesis 5

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan perempuan berhubung dengan kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah. Item-item 24 hingga 31 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepentingan berkenaan.

Jadual 4.15 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 5.

Jantina	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Kepentingan					
Lelaki	35	4.100	.6024		
Perempuan	75	4.053	.6887	.344	108

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul kelima. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.15 menunjukkan nilai min guru lelaki 4.100 dan min

guru perempuan 4.053. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 108 maka H_0 gagal ditolak kerana nilai taburan t (0.344) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 1.653).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan guru-guru perempuan tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

4.4.6 Hipotesis 6

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah gred A dengan guru-guru sekolah gred B tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah. Item-item 24 hingga 31 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepentingan berkenaan.

Jadual 4.16 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 6.

Gred Sekolah	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Kepentingan					
Sekolah Gred A	60	4.0292	.6660	-.677	108
Sekolah Gred B	50	4.1150	.6565		

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul keenam. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.16 menunjukkan nilai min guru-guru Sekolah Gred

A (4.0292) dan min guru-guru sekolah gred B (4.1150). Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 108 maka H_0 gagal ditolak kerana nilai taburan t (-677) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 1.653).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah gred A dengan guru-guru sekolah gred B tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

4.4.7 Hipotesis 7

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru sekolah luar bandar tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah. Item-item 24 hingga 31 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepentingan berkenaan.

Jadual 4.17 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 7.

Lokasi Sekolah	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Kepentingan					
Bandar	50	4.1575	.6883		
Luar Bandar	60	3.9938	.6317	1.300	108

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul ketujuh. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.17 menunjukkan menunjukkan nilai min guru-guru sekolah dalam bandar (4.1575) dan min guru-guru sekolah luar bandar (3.9938). Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 108 maka H_0 gagal ditolak

kerana nilai taburan t (1.300) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 1.653).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru sekolah luar bandar tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

4.4.8 Hipotesis 8.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara bendahari Lembaga Koperasi dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Item-item 32 hingga 41 di dalam instrumen kajian untuk mengukur tahap kepentingan kewangan dan 42 hingga 48 untuk mengukur tahap kepentingan bukan kewangan.

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul kelapan. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.18 menunjukkan nilai min bendahari (3.889) dan min guru-guru bukan Lembaga Koperasi (3.9172) bapi ukuran kewangan.

Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 64 maka ia gagal ditolak kerana nilai t-hurusan t (-0.172) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+/-1.674).

Jadual 4.18 : Keputusan Ujian- t Hipotesis 8.

Jawatan	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Ukuran Kewangan					
Bendahari	11	3.8889	.4714		
Bukan Lembaga	55	3.9172	.5039	-0.172	64
Ukuran Bukan Wang					
Bendahari	11	4.2045	.5626		
Bukan Lembaga	55	4.1409	.6166	-0.317	64

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.18 juga menunjukkan nilai min bendahari (4.2045) dan min guru-guru bukan Lembaga Koperasi (4.1405) bagi ukuran bukan kewangan. Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 64 maka ia gagal ditolak kerana nilai t-hurusan t (-0.317) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+/-1.674).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi berhubung dengan faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

4.4.9 Hipotesis 9.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru lelaki dengan guru-guru perempuan Koperasi tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Item-item 32 hingga 41 di dalam instrumen kajian untuk mengukur tahap kepentingan kewangan dan 42 hingga 48 untuk mengukur tahap kepentingan bukan kewangan.

Jadual 4.19 : Keputusan Ujian-t Perbezaan Hipotesis 9

Jawatan	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Ukuran Wang					
Lelaki	35	3.9238	.5265		
Perempuan	75	3.9304	.5516	-0.059	108
Ukuran Bukan Wang					
Lelaki	35	4.3107	.5650		
Perempuan	75	4.1467	.5700	-1.410	108

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul kesembilan. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.19 menunjukkan nilai min guru-guru lelaki (3.9238) dan guru perempuan (3.9304) bagi ukuran kewangan. Manakala aspek bukan kewangan guru lelaki mempunyai min (0.5650) dan guru perempuan (0.5700). Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 64 maka H_0 gagal ditolak

kerana nilai t-huruf $t = -0.059$ bagi ukuran kewangan dan -1.410 bagi ukuran bukan kewangan berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 1.674).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan guru-guru perempuan tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

4.4.10 Hipotesis 10

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru-guru yang mengajar di sekolah gred A dengan guru-guru yang mengajar di sekolah gred B tentang faktor kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Item-item 32 hingga 41 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepentingan kewangan dan 42 hingga 48 untuk mengukur tahap kepentingan bukan kewangan.

Ujian- t digunakan untuk menguji hipotesis nul kesebelas. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.20 menunjukkan nilai min bagi faktor kewangan sekolah gred A (3.9333) dan sekolah gred B (3.9222). Manakala bagi faktor bukan kewangan min sekolah gred A (4.2188) dan sekolah gred B (4.1750). Dengan aras $\alpha = 0.05$ dan darjah kebebasan 108 maka H_{010} gagal ditolak kerana nilai t-huruf (0.107 dan 0.108) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (± 1.660).

Jadual 4.20 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 11.

Gred Sekolah	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Faktor Wang					
Sekolah Gred A	60	3.9333	.5740		
Sekolah Gred B	50	3.9222	.5051	.107	108
Faktor Bukan Wang					
Sekolah Gred A	60	4.2188	.6284		
Sekolah Gred B	50	4.1750	.4987	.108	108

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah gred A dengan guru-guru sekolah gred B tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

4.4.11 Hipotesis 11

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi antara guru-guru yang mengajar di sekolah dalam bandar dengan guru-guru yang mengajar di luar bandar tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Item-item 32 hingga 41 di dalam instrumen kajian mengukur tahap kepentingan kewangan dan 42 hingga 48 untuk mengukur tahap kepentingan bukan kewangan.

Jadual 4.21 : Keputusan Ujian-t Hipotesis 11.

Jawatan	N	Mean	Std. Deviation	T	DF
Ukuran Wang					
Dalam Bandar	50	4.0378	.5219	1.962	108
Luar Bandar	60	3.8370	.5445		
Ukuran Bukan Wang					
Dalam Bandar	50	4.25575	.5672	.983	108
Luar Bandar	60	4.1500	.5743		

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis nul kesebelas. Dapatan yang diperlihatkan dalam jadual 4.21 menunjukkan nilai min faktor kewangan bagi sekolah dalam bandar (4.0378) dan luar bandar (3.8370). Manakala min faktor bukan kewangan sekolah dalam bandar (4.2575) dan luar bandar (4.1500). Dengan aras alpha 0.05 dan darjah kebebasan 108 maka ukuran kewangan ditolak kerana nilai taburan t (1.962) berada di dalam kawasan penolakan dan ukuran bukan kewangan gagal ditolak bila nilai taburan t (.0983) berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t (+/-1.660).

Oleh itu ujian hipotesis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru luar bandar tentang faktor kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Sebaliknya tiada perbezaan persepsi bagi faktor bukan kewangan.

4.5 Kesimpulan.

Terdapat 11 hipotesis nul dalam kajian ini. Kesemua hipotesis nul diuji dengan analisis statistik Ujian-t. Dengan aras alpha 0.05 dan nilai taburan t berada di luar kawasan penolakan yang dikira menerusi jadual taburan t sesuatu hipotesis nul akan ditolak dan hipotesis alternatif akan diterima. Sebaliknya dengan aras alpha 0.05 dan nilai taburan t berada di dalam kawasan penolakan sesuatu hipotesis nul akan diterima dan hipotesis alternatif akan ditolak.

Hasil daripada analisis menunjukkan sebagai 3 daripada 11 dapatan gagal menolak hipotesis. Hipotesis-hipotesis berkenaan ialah H_{o1} , H_{o2} , dan H_{o3} .

Dapatan ujian H_{o1} menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi setiausaha Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun.

Demikain juga dapatan H_{o2} yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara bendahari dengan pengerusi tentang kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Akhir sekali dapatan H_{o3} yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara bendahari dengan pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi tentang kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Namun Ujian H_{o1} ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga

Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun.

Demikian juga ujian hipotesis Ho2 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan setiausaha, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Akhir sekali ujian Ho3 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan setiausaha, dan naib pengerusi berhubung dengan kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Bakinya 8 daripada 11 dapatan menolak hipotesis. Hipotesis-hipotesis berkenaan ialah Ho4, Ho5, Ho6, Ho7, Ho8, Ho9, Ho10 dan Ho11.

Ujian Ho4 ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

Begitu juga ujian Ho5 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan guru-guru perempuan tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

Demikian juga Ho6 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah gred A dengan guru-guru sekolah gred B tentang

kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

Dapatan Ho7 pula menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru sekolah luar bandar tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

Ujian hipotesis 8 juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

Juga ujian hipotesis 9 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan guru-guru perempuan tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

Oleh itu ujian hipotesis 10 menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah gred A dengan guru-guru sekolah gred B tentang faktor kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

Akhir sekali, dapatan ujian hipotesis 11 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru

luar bandar tentang faktor kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Sebaliknya wujud perbezaan bagi faktor bukan kewangan.

BAB LIMA

RINGKASAN KAJIAN, RUMUSAN DAN CADANGAN.

5.1 Ringkasan kajian

Ringkasnya kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat persepsi guru-guru tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi sekolah dan sejauh manakah faktor-faktor umur, jantina, jawatan, gred sekolah, lokasi sekolah mempengaruhi persepsi di kalangan guru-guru berkenaan.

Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data secara kuantitatif, iaitu kajian dilakukan ke atas sampel untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Terdapat lima pembolehubah tidak bersandar yang diukur dalam kajian ini iaitu faktor umur, jantina, jawatan, lokasi sekolah dan gred sekolah. Pembolehubah bersandar yang dikaji ialah persepsi guru-guru terhadap kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun, kepekaan terhadap Akta Koperasi 1993, status kepatuhan Akta Koperasi 1993, kepentingan pengetahuan pengurusan akaun koperasi dan faktor-faktor pengukuran kejayaan koperasi sekolah.

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Soal selidik ini dipecahkan kepada enam bahagian. Bahagian A terdiri dari latar belakang responden yang melibatkan 10 item. Soalan-soalan tersebut meliputi

umur, jantina, pengalaman mengajar, taraf pendidikan, lokasi sekolah, gred sekolah, taraf keanggotaan, pengalaman menjadi Lembaga Koperasi, tempoh pengalaman Lembaga Koperasi dan jawatan Lembaga Koperasi yang disandang.

Bahagian B pula terdiri daripada 5 item untuk menjelaskan pengetahuan Lembaga Koperasi mengenai penyata kewangan dan akaun.

Bahagian C terdiri dari 4 item menjelaskan kepekaan Lembaga koperasi tentang peruntukan Seksyen-Seksyen Akta Koperasi 1993. Pernyataan-pernyataan ini disusun secara sistematik mengikut urutan seksyen akta tersebut.

Bahagian D pula terdiri daripada 4 item untuk menjelaskan status pematuhan sekolah mengenai peruntukan Akta Koperasi 1993. Pernyataan-pernyataan ini juga disusun secara sistematik mengikut urutan seksyen tersebut.

Bahagian E terdiri dari 8 item untuk menjelaskan tahap persetujuan guru-guru tentang pengetahuan perakaunan koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah. Pernyataan-pernyataan ini disusun secara sistematik mengikut urutan peringkat pengurusan dalam sesebuah organisasi koperasi.

Bahagian F terdiri dari 17 item untuk menjelaskan beberapa faktor yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Pernyataan-pernyataan ini disusun dengan meletakkan faktor-faktor kewangan mendahului faktor-faktor bukan kewangan.

Seramai 110 orang responden telah dikaji yang terdiri daripada guru-guru sekolah menengah daerah Manjung, Perak. Jawapan-jawapan responden telah dimarkah dan dikodkan untuk dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS for Windows 7.5*. Jawapan dari bahagian A dianalisis secara deskriptif dengan prosedur *Frequencies* dan *Descriptives*. Ia bertujuan untuk mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan bagi latar belakang responden. Skor jawapan bagi Bahagian B, C, D, E dan F telah dijumlahkan mengikut skala yang telah ditetapkan dan dianalisis untuk menguji hipotesis. Kesemua 15 hipotesis diuji dengan Ujian-t.

5.2 Rumusan

Rumusan dapatan daripada kajian adalah seperti berikut:

1. Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun. Namun tiada perbezaan yang signifikan bagi persepsi setiausaha Koperasi berhubung dengan kefahaman mengenai penyata kewangan dan akaun.
2. Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan setiausaha, naib pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi berhubung dengan kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

Namun tiada perbezaan yang signifikan antara bendahari dengan pengerusi tentang kepekaan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

3. Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan setiausaha, dan naib pengerusi berhubung dengan kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993. Namun tiada perbezaan yang signifikan antara bendahari dengan pengerusi dan lain-lain Lembaga Koperasi tentang kepatuhan peruntukan seksyen-seksyen Akta Koperasi 1993.

4. Kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

5. Kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan guru-guru perempuan tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

6. Kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah gred A dengan guru-guru sekolah gred B tentang kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

7. Kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru sekolah luar bandar tentang

kepentingan pengurusan akaun koperasi dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah.

8. Kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi bendahari dengan guru-guru bukan Lembaga Koperasi berhubung dengan faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

9. Kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru lelaki dengan guru-guru perempuan tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

10. Kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah gred A dengan guru-guru sekolah gred B tentang faktor kewangan dan bukan kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah.

11. Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persepsi guru-guru sekolah dalam bandar dengan guru-guru luar bandar tentang faktor kewangan yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Sebaliknya tiada perbezaan persepsi bagi faktor bukan kewangan.

Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Azam Sulaiman (1996) dan Muriddan Elias (1997) yang menyatakan pelanggaran Akta Koperasi berpunca

daripada sikap koperator itu sendiri terutamanya pihak pentadbir sekolah. Demikian juga Yusof (1994) yang menegaskan aspek perakaunan koperasi sekolah tidak titikberatkan malahan hampir diabaikan dalam bidang pentadbiran dan pengurusannya, Zaleha (1992) pula menekankan aspek pengurusan koperasi sekolah bukannya sesuatu yang mudah terutama untuk memenuhi keperluan Undang-Undang Kecil Koperasi dan Akta Koperasi 1993. Demikian juga Rahman (1990), Mokhtar (1994) dan Bala (1995) yang menyentuh aspek perakaunan antara punca yang membawa kepada kegagalan dan kerugian koperasi. Malahan Donald (1976) menegaskan Lembaga Koperasi mesti mempunyai pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam mengurus koperasi demi kejayaannya.

Ini sejajar dengan dapatan yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Koperasi (1996) yang menyatakan kemerosotan kejayaan koperasi sekolah berpunca daripada kurangnya sokongan dan komitmen pengetua (pengerusi).

Namun demikian dapatan kajian ini juga membuktikan pihak sekolah, terutamanya pengetua mempunyai persepsi yang positif terhadap faktor-faktor pengurusan akaun dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi.

Secara keseluruhannya guru-guru di sekolah menengah daerah Manjung mempunyai persepsi yang positif terhadap kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun dalam menentukan kejayaan sesebuah koperasi. Dapatan ini disokong oleh Pittsburg (1968) yang membuktikan 80% daripada pengusaha yang gagal disebabkan tidak menyimpan rekod akaun perniagaan, Abdul Aziz

(1992) pula menjelaskan perniagaan yang menyediakan akaun kos mencapai kejayaan pada kadar 75%. Demikian juga, Zaleha (1992) yang menyatakan lembaran imbalan amat mustahak bagi menentukan rancangan perkembangan sesebuah koperasi, manakala Almaliah (1992) membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara penyediaan penyata kewangan dalam penggunaan maklumat perakaunan dengan keuntungan dalam prestasi perniagaan dan Yusof Keling (1987) yang menghuraikan kepentingan penyata kewangan dalam pengurusan koperasi sekolah.

Hakikatnya faktor-faktor pengurusan akaun koperasi mustahak dalam memastikan kejayaan sesebuah koperasi. Wujudnya perbezaan persepsi terutama yang berkaitan dengan penyata kewangan dan seksyen-skesyen Akta Koperasi 1993 menunjukkan adanya Lembaga Koperasi yang tidak berkualiti dan kompeten mengenai elemen-elemen perakaunan dan peruntukan-peruntukan akta. Akibatnya timbul kegagalan untuk memberi komitmen sepenuhnya dan menyeluruh ke atas urusan pengurusan akaun koperasi yang merupakan masalah utama yang sering timbul dalam gerakan koperasi.

Demikian juga kurangnya latihan menyebabkan pengurusan akaun menjadi tidak tepat dan kemas kini. Isu ini berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran koperator dalam memahami, menyedari, dan melaksanakan pengurusan akaun yang amat mustahak bagi memastikan kejayaan sesebuah koperasi.

Yang nyata antara pihak bendahari dengan pengerusi, naib pengerusi, setiasuaha dan lain-lain Lembaga Koperasi mempunyai persepsi yang tidak sekata mengenai penyata kewangan dan seksyen-seksyen tertentu akta koperasi.

Bagimanapun persepsi guru-guru Lembaga Koperasi dan guru-guru bukan Lembaga Koperasi menampilkan persepsi positif terhadap kepentingan pengurusan akaun koperasi.

Oleh itu semua pihak mesti mengembelikan usaha untuk memastikan kepentingan faktor-faktor pengurusan akaun dapat dimanfaatkan oleh Lembaga Koperasi, guru-guru bukan Lembaga Koperasi, ahli-ahli koperasi dan bukan ahli koperasi.

Ini sejajar dengan inspirasi pengubalan semula Akta Koperasi 1948 yang membentuk Akta Koperasi 1993 yang bermatlamat untuk menggalakkan perkembangan koperasi, memampankan gerakan koperasi, mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan pengurusan koperasi seterusnya menentukan kejayaan gerakan koperasi di Malaysia. (Azman, (1996) dan Jabatan Pembangunan Koperasi (1996)).

Untuk memantapkan pengurusan akaun koperasi sekolah program-program tertentu mesti dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab. Antara program yang boleh dilaksanakan ialah program pengembangan, kawal selia, sokongan pentadbiran dan penyelidikan.

A. Program Pengembangan.

Aktiviti yang sesuai dan berterusan bagi memastikan tahap kefahaman dan maklumat mengenai pengurusan akaun mesti dijalankan, antaranya:

1. Taklimat dan Penerangan.

Pihak koperasi sekolah mesti mengadakan siri-siri penerangan, ini sama ada dengan memanggil pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi atau pihak Lembaga Koperasi sendiri untuk mengendalikan siri tersebut di peringkat sekolah.

2. Kursus Promosi.

Pihak koperasi sekolah mesti menjalankan secara berterusan kursus-kursus promosi kepada koperator baru dan lama, dengan harapan dapat meningkatkan kefahaman koperator mengenai pengertian dan prinsip perakaunan koperasi.

3. Klinik Akaun Khas.

Dalam usaha untuk memastikan dan mendalami pengurusan perakaunan koperasi program klinik akaun khas harus diadakan. Bimbingan dan bantuan melalui program ini adalah untuk memastikan

pengurusan akaun koperasi dapat dikendalikan dengan baik dan teratur serta memudahkan kerja-kerja pengauditan.

4.Sesi Dialog Dengan Pemimpin Koperasi.

Memandangkan pemimpin-pemimpin koperasi (Lembaga Koperasi) merupakan elemen penting dalam pelaksanaan pengurusan akaun koperasi sekolah sesi dialog dan perjumpaan dengan pihak Jabatan Pembangunan Koperasi dan ANGKASA wajar diadakan. Melalui program ini pihak koperasi, jabatan dan ANGKASA menerima pelbagai maklumat balas mengenai pengurusan akaun koperasi. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman pemimpin koperasi, malahan memperkemaskan kualiti perkhidmatan jabatan dan ANGKASA berdasarkan maklumat yang diperolehi semasa sesi tersebut.

5. Program Pengukuhan.

Bagi memastikan gerakan koperasi menjadi bertambah mampan dan berdaya saing program pengukuhan boleh dijalankan. Program khas mengenai pengurusan dan pentadbiran, kefahaman Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil serta pengurusan akaun dapat membantu koperasi mempertingkatkan keupayaannya.

B . Bantuan Pemulihan dan Kawal Selia.

Pihak ANGKASA, Jabatan Pembangunan Koperasi, Jabatan Pendidikan Negeri boleh memberi bantuan kewangan kepada koperasi sekolah di bawah program pemulihan dan kawal selia. Bantuan ini dapat mengatasi masalah pengurusan akaun yang tidak kemas kini.

Program kawal selia amat penting dalam mengesan dan memonitor keberkesanan pengurusan akaun koperasi sekolah. Aktiviti-aktiviti pengawasan berjadual, *monitoring* melalui semakan dokumen, penyelia bersepadu, pengwujudan jawatankuasa akaun dan pembentukan pasukan petugas khas yang akhirnya mampu menyelesaikan masalah serius dalam pengurusan akaun koperasi sekolah.

C. Program Penyelidikan.

Program penyelidikan boleh dijalan ke arah memungut dan mengkaji data serta maklumat pelaksanaan pengurusan akaun koperasi. Maklumat dan data yang diperolehi dikumpulkan di bank data untuk dijadikan input kepada sistem maklumat bersepadu berkomputer bagi tujuan pengesahan dan penilaian pelaksanaan pengurusan akaun yang bersistem.

5.3 Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pengkaji merasakan perlunya dibuat kajian lanjutan untuk memperkukuh dan mendalami bidang kajian. Dalam kajian ini pengkaji hanya tertumpu pada sebuah daerah di negeri Perak sahaja.

Untuk penyelidikan akan datang dicadangkan agar responden diwakili oleh semua koperasi peringkat negeri atau/dan di peringkat Malaysia. Dengan cara ini, dapatan adalah lebih menyeluruh dan dapatan kajian nanti dapat digunakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan koperasi-koperasi sekolah bagi tujuan peningkatan mutu pengendalian koperasi.

Dalam kajian ini, pembolehubah bebas hanya ada lima sahaja. Ini bermakna masih banyak lagi faktor atau aspek yang boleh dikaji. Antaranya ialah sikap, pengetahuan, kemahiran, minat, taraf ekonomi, kekerapan, bebanan kerja, faktor penghalang dalaman dan luar koperasi sekolah.

Pengkaji telah dapat mengenalpasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi persepsi guru-guru berhubung dengan kepentingan pengurusan akaun koperasi.

Peranan Lembaga Koperasi merupakan faktor yang paling penting dalam memastikan kejayaan sesebuah koperasi. Peranan yang akan dimainkan oleh

Lembaga banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor kemanusiaan, dan perkara-perkara berikut haruslah diperhatikan :

- Kualiti Lembaga Koperasi haruslah ditingkatkan dalam semua aspek berkaitan dengan pengurusan akaun koperasi dan ini secara langsung memberi impak besar kepada mentaliti Lembaga Koperasi dalam meningkatkan kejayaan gerakan koperasi sekolah.
- Anggota Lembaga Koperasi haruslah memperbetulkan persepsi dan mengetepikan ciri-ciri buruk yang ada pada diri mereka serta ikhtizam sepenuhnya ke arah mengerakkan koperasi khususnya dalam aspek pengurusan akaun.
- Usaha untuk mendidik anggota koperasi mengenai kefahaman pengurusan akaun koperasi haruslah berjalan secara berterusan dan Lembaga sendiri harus menitikberatkan kefahaman mereka mengenainya.
- Mewujudkan hubungan yang akrab di antara koperasi dan jabatan pembangunan koperasi serta meningkatkan komunikasi antara keduanya. Ini boleh membantu proses penerima maklumat secara berperingkat-peringkat kepada koperasi dan membolehkan tindakan segera diambil jika koperasi menghadapi masalah pengurusan akaun.

- Mewujudkan tenaga pengurus yang profesional atau separa profesional bagi membantu Lembaga dalam pengendalian pengurusan akaunnya.

Dengan itu kajian lanjutan yang diperlukan ialah untuk melihat langkah-langkah tertentu yang boleh diambil untuk memperbaiki persepsi yang ditemui dalam kajian ini. Kajian lanjutan ini sememangnya penting ke arah meningkatkan profesionalisme dalam bidang pengurusan dan pentadbiran koperasi supaya setanding dengan tahap pengurusan badan-badan korporat.

BIBLIOGRAPHI

- Abdul Rahman, *Koperasi Sekolah*, Kertas Kerja Projek, Maktab Kerjasama Malaysia, 1980.
- Abdul Wahab Mat, Faktor-Faktor Kekangan Koperasi Sekolah Menurut Pandangan Pelajar-Pelajar Sekolah, Tesis UUM, Universiti Utara Malaysia, 1996.
- Abrahamsem, Martin A., ***Cooperative Business Enterprise***, New York : Mc Graw Hill, 1976.
- Ahmad Jaafar Musa,. Pentadbiran dan Pengurusan Sekolah Yang Baik, ***Pendeta***, Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Kinta, Bil.11/1994, Ipoh, Jawatankuasa Jurnal Maktab Perguruan Kinta. 1994
- Ahmad Othman, Ke Arah Mewujudkan Sekolah Yang Berkesan: Peranan Pengetua, ***Wawasan***, Pusat Sumber Negeri Kedah Darul aman, September. 1994.
- Akmaliah, ***Pengurusan Maklumat Perakaunan Dalam Perniagaan Kecil Bumiputra***, Di Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah UPM, Serdang, 1992.
- Al Ramaiah,. ***Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa Kini***, Petaling Jaya, IBS Buku Sendirian Berhad, 1992.
- Allan Louis A., ***Management and Organization***, McGraw Hill Book Co. Inc., New York, 1996.
- Amran Amir Ismet, ***Persepsi Pelabur Individu Bumiputra Terhadap Aktiviti Pelaburan Saham di Malaysia : Kajian Kes di Pulau Pinang***, Tesis UUM, Universiti Utara Malaysia, 1996.
- Ambrin Awang, ***Dasar-Dasar Utama Kerajaan Malaysia***, Kuala Lumpur : Institut Pentadbiran Awam Negara, 1988.
- Angkasa, ***Kefahaman Koperasi***, Kuala Lumpur : Unit Pelancar Angkasa, 1990.
- ANGKASA, ***Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Sekolah***, Bahagian Pelajaran, Penerangan dan Penerbitan dan Perkhidmatan, ANGKASA, 1992.
- Azam bin Sulaiman dan Muriddan bin Elias, *Tindakan Perlaksanaan Akta Koperasi 1993*, Kertas Kerja, Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Perak Darul Ridzuan, 1995.
- Azam bin Sulaiman, "Follow Through" Hasil Daripada Perlanggaran Akta Koperasi 1993 Berdasarkan Pengalaman Jabatan Pembangunan Koperasi Manjung/Perak Tengah, Kertas Keraja, Jabatan Pembangunan Koperasi Manjung/Perak Tengah, 1996.

- Azam bin Sulaiman, *Peranan Koperasi Sekolah (Prinsip dan Falsafah) Dalam Membentuk Budaya Demokrasi Negara*, Kertas Kerja, Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Perak Darul Ridzuan, 1997.
- Aziz Ibrahim, ***Peranan Penerbitan dan Penerangan Koperasi***, Kuala Lumpur : Unit Pelancar Angkasa, 1983.
- Aziz Haji Vaheed, ***Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Perkhidmatan Lembaga Tabung Hsaji (LTUB)***, Alor Star, Kedah, Tesis UUM, Universiti Utara Malaysia, 1996
- Babbie, E.R., ***Survey Research Methods***, California, Wadsworth Publishing, 1973.
- Barjoyai bardai, ***Prinsip dan Amalan Perakaunan***, Kuala Lumpur : Pustaka Johami, 1981.
- Brigham Eugene F., ***Financial Management Theory and Practice***, New York : The Dryden Press, 1985.
- Chen, K.C. dan Shimerda, T.A. "An Empirical Analysis of Useful Financial Ratio", ***Financial Management***, Book Company, 1994.
- Diacogiannis, G.P. ***Financial Management A Modelling Approach Using Spreadsheet***, London : Mc Graw-Hill
- Donald Green, "To Predict Failure", ***Accounting Articles***, Chicago : Commerce Clearing Housing, Inc., 1980 - 84.
- Donald Snook, J.R. dan William B. S., "Financtal Analysis : A Simple Test", ***Accounting Articles***, Chicago : Commerce Clearing Housing, Inc., 1975- 79.
- Drucker, P.F., ***Eksekutif Yang Berkesan***, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- F. J., Lovarge P. ***Cooperative Strategies in International Business***, Canada : Lexington Books, 1998.
- Gillespie Hecht John, S. dan Purtill Jr., "How To Improve The Bottom Line With Better Financial Analysis : Six Analytical Tools ",***The Accounting Articles***, Chicago : Commerce Clearing Housing, Inc. 19780 - 84.
- Farid Wajidi, *Koperasi Dalam Sistem Pendidikan*, Kertas Kerja II, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, 1982.
- Fazilah A. Ngah, ***Persepsi Mahasiswa Tahun Akhir Terhadap Keusahawaan : Satu Kajian Ke di UUM***, Tesis UUM, Universiti Utara Malaysia, 1996.

- Greenberg, J. and Baron, R.A. (1997). **Behavior In Organization** (7th Edition), New York, Prentice Hall.
- Idris Ismail, *Prinsip dan Amalan Koperasi*, Seminar Koperasi Belia, Maktab Kerjasama Melayu (MPKM), Selangor, 1980.
- Ima Suwandi, *Koperasi Organisasi Yang Berwatak Sosial*, Jakarta : Bhrata Karya Akrasa, 1984.
- Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, **Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi**, 1992.
- Jabatan Pembangunan Koperasi, Seminar Koperasi ; *Peranan dan Penglibatan Kerajaan Dalam Pembangunan Koperasi Sekolah*, ANGKASA, 1994.
- Jabatan Pembangunan Koperasi, **Wawasan**, Kuala Lumpur, 1996.
- Juhary Ali, **Asas Pengurusan**, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia. 1987.
- Juhary Ali dan Ishak Ismail. **Prinsip dan Amalan Pengurusan**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Jumaat Mohd Noor, Prinsip Pengurusan Moden, **Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia** Keluaran 54, Jilid XXI, Kuala Lumpur, 1976.
- Jusni Nasirun, **The Attitudes of Lecturers in Darul Aman Teacher Training Institute (IPDA) Toward the Professional Use of Computers**, Tesis Sarjana, University of Houston/IAB, 1995.
- Kamarudin Kachar, **Strategi Pentadbiran Pendidikan**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka 1989.
- Keller , G., Warrack, B. dan Bartel, H. (**Statistics For Management And Economic A Systematic Approach**, Belmont, California: Wads Worth Publishing Company, 1988.
- Kerajaan Malaysia, **Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi**, Kuala Lumpur, MDC Publishers Printers Sdn Bhd, 1996.
- Kerajaan Malaysia, **Akta Koperasi 1993**, Kuala Lumpur, MDC Publishers Printers Sdn Bhd, 1996.
- Kerajaan Malaysia, **Akta Pendidikan 1995**, Kuala Lumpur, MDC Publishers Printers Sdn Bhd, 1996.
- Kerajaan Malaysia, **Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995**, Kuala Lumpur, Percetakan Negara, 1995.
- Kerlinger, K.N., **Foundation of Behavioural Research**, 3rd Ed., Holt, Rinehart and Winsron, New York, 1973.

- Laven, Denise Louise, **A Study of Teachers Perception of Job Satisfaction Related to The Use of Interdisciplinary Teams at The Middle School Level in The State of California**, Michigan, A Bell & Howell Company. 1992.
- Levin, R.I. dan Robin D.S., **Statistics For Management**, New Jersey, Prentice Hall, 1993.
- Maheswari Kandasamy, Action Learning and Action Research in Management Education and Development: A Case Study, **Jurnal Pengurusan Pendidikan**, Jilid 3, bil 1 m.s.42-45, 1993.
- Mahmud, *Seminar pencapaian Matlamat Wawasan 2020 Melalui Koperasi Sekolah*, ANGKASA, 1994.
- Matkab Kerjasama Malaysia, **Konsep, Pengertian dan Faedah Koperasi**, Jabatan Pentadbiran Perniagaan, 1991.
- Matnor Daim, Pendidikan Bertaraf Dunia: Pengoperasian di Peringkat Sekolah, **Jurnal Pendidikan Komuniti**, Jilid 2, Institut Aminudin Baki, Genting Highland, m.s.9-17, 1997.
- Mc Beath, Gordon, **The Handbook of Human Resource Planning**, London, Blackwell Publishers, 1992.
- Mc Cullough, **Training and Development, Handbook, A Guide to Human Resources Development** (3rd Edition), New York, McGraw Hill, 1992.
- Mohd Majid Konteng, **Kaedah Penyelidikan Pendidikan**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Mohd. Jais, **Koperasi Sekolah : Matlamat dan Keberkesan Pengurusannya**, ANGKASA, Kuala Lumpur, 1995.
- Mok Soon Sang, **Pendidikan di Malaysia**, Kuala Lumpur, Budiman Sdn. Bhd., 1991,
- Mokhtar, **Peranan Kementerian Pendidikan dan Guru-Guru Dalam Memajukan Koperasi Sekolah**, Jabatan Pembangunan Koperasi, Kuala Lumpur, 1995.
- Morphet, E.L., Johns, R.L. dan Reller, T.L., **Educational Organization and Administration: Concepts, Practices and Issues**, Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice-Hall. 1982.
- Norusis, Merija J. **SPSS For Windows Base System User's Guide Release** Chicago, Illinois: SPSS Inc., 1993.
- Othman, *Pembangunan Koperasi Sekolah Ke Arah Kemantapan Koperasi Negara*, Kertas Kerja I, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1994.
- Rahiman, *Ke Arah Koperasi Sekolah yang Berkesan*, Kertas Kerja, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1991.

- Rahimi Dollah, Kajian Ke Atas Prestasi Kewangan Syarikat yang Disenaraikan Di Pasaran Dagangan Kedua BSKL Dari Tahun 1990 - 1992, Tesis UUM, 1996.
- Raja Maimon, *Sistem Perakaunan Koperasi Sekolah Di Malaysia*, Kertas Kerja, Fakulti Pengurusan Perniagaan, UKM, 1994.
- Rohayati Ismail, **Faktor-faktor Demografi Dalam Mempengaruhi Pengurusan Koperasi-Koperasi Sekolah di Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman**, Tesis UUM, Universiti Utara Malaysia, 1996.
- Robert L. Graig, **Training and Development Handbook. A Guide To Human Resources Development**, (3rd Edition) Edited By, New York, McGraw Hill, 1987.
- Sadat- Hossieny, Morteza, , **Foreign Students' Perceptions of The Relevance and Expectations Of Their Education In U.S. Universities in Terms of The Technical Development in Their Home Countries**, Michigan, A Bell & Howell Company, 1989.
- Salbiah, *Kepimpinan Koperasi Yang Berkesan*, Kertas Kerja, ANGKASA, 1994.
- Sekaran, Uma, **Research Methods for Business: A Skill Building Approach**, New York, John Wiley & Sons Inc., 1992.
- Sekaran, Uma, **Research Method For Business : A Skill Building Approach**, Second Edition, Canada, John Wiley and Sons, Inc., 1996.
- Sondang P.Saigian, **Falsafah Pentadbiran dan Pengurusan**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Sawage T.K., dan Volkin D., *Cooperative Criteria*, Canada, Lexington Books 1989.
- Stoner J.A.F., and Wankel C., **Management**, 3rd Edition, Englewood Cliffs New Jersey: Prentice Hall, 1985.
- Sufean Hussin,, **Pengajaran Nilai Dan Kurikulum**, Petaling Jaya, Penerbitan Fajar Bakti, 1991.
- Syed Abdullah Syed Abu Bakar AlKharid, **Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi**, Kuala Lumpur : Unit Pelancar Angkasa, 1992.
- Syed Abdullah Syed Abu Bakar AlKharid, **Prinsip-Prinsip Koperasi**, Kuala Lumpur : Unit Pelancar Angkasa , 1992.
- Syed Arabi Idid, **Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Tajul Ariffin Noordin, **Pendidikan Dan Wawasan 2020**, Kuala Lumpur, Arena Ilmu Sdn Bhd, 1992.
- Undang-Undang Malaysia**, Kuala Lumpur, Percetakan Negara, 204, 1995.

- Ungku Abdul Aziz, **Prinsip-Prinsip Koperasi**, Kuala Lumpur : Unit Pelancar Angkasa, 1983.
- Wan Azmi Ramli, **Pengurusan Masa Kini**, Kuala Lumpur, Utusan Publication, 1994.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, Pengisian Wawasan Pendidikan, **Kertas Kerja dalam Persidangan Pendidikan Nasional 1993**, 8-11 April 1993 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. 1993.
- Wan Mohd Zahid, Perjuangan Yang Perlu Diteruskan: Azam dan Iltizam. **Ucapan Utama Persidangan Pendidikan nasional Ketiga Institut Amninudin Baki**, 5-9 Ogos 1996.
- Wawasan** Jilid 6 Bil. 1/97. , Kuala Lumpur, Jabatan Pembangunan Koperasi, 1997.
- Webster New international Dictionary, London, Webster, 1996.
- Weygandt J.J, Kieso D.E., dan Kell W.G, **Accounting Principles**, Fourth Edition, New York, John Wiley & Sons, Inc. 1996.
- Winger, Bernald, J. dan Fransca, Ralph., **Investment : Introduction To Analysis and Management Planning 2nd**, New York : Merrill, 1991.
- Zaharah Sulaiman, **Perniagaan Koperasi Sekolah**, Kertas Kerja, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, 1994..
- Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, **Pentadbiran Pendidikan**, Petaling Jaya, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1990.

LAMPIRAN A

Surat Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia
dan
Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DASAR PENDIDIKAN (BPPDP) ,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Paras 2,3 & 5, Blok J
PUSAT BANDAR DAMANSARA.
50604 KUALA LUMPUR.

Telefon : 03-2583204
Faks : 03-2554960

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.49(173)
Tarikh : 3 Jun 1998

En. Mohd Daut bin Haji Salleh,
No.55, Tmn. Muhibbah Satu,
32000 Sitiawan,
PERAK.

Tuan/Puan,

*Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia*

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan
tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

“Kepentingan Pengurusan Perkaunan Dan Hubungannya Dengan Prestasi
Koperasi-Koperasi Sekolah Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan: Satu
Huraian”

telah diluluskan


2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan
penyelidikan yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi
menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah
Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah
laporan kajian tuan/puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DR. AMIR BIN SALLEH)
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.



JABATAN PENDIDIKAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-5274355
Fax : 05-5277273

J.Pen.Pk./SULIT
4757/Jld.12 (69)
27 Safar 1419
22 Jun 1998



Encik Mohd Daut Bin Haji Salleh,
55, Taman Muhibbah Satu,
32000 Sitiawan.

Tuan,

**KEBENARAN BAGI MENJALANKAN KAJIAN
KE SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI PERAK**

Saya diarah merujuk surat permohonan tuan bertarikh 9 Jun 1998 dan surat Kementerian Pendidikan Malaysia KP(BPPDP)13/15/Jld.49 (473) bertarikh 3 Jun 1998 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran adalah diberi untuk tuan menjalankan kajian yang bertajuk:

"Kepentingan Pengurusan Perkaunan Dan Hubungannya Dengan Prestasi Koperasi-Koperasi Sekolah Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan: Satu Huraian".

di sekolah-sekolah seperti dalam Lampiran A.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


(HAJI MD IDRIS BIN MD SALEH)
Sektor Pengurusan Sekolah,
b.p Pengarah Pendidikan
Perak.

109

s.k. Pegawai Pendidikan Daerah Manjung.

LAMPIRAN B
Borang Soal Selidik

10. Jawatan Lembaga Koperasi Sekolah :

	sekarang	dahulu
Pengerusi	()	()
Naib Pengerusi	()	()
Setiausaha	()	()
Bendahari	()	()
Lain-lain	()	()
.....(nyatakan)		

Bahagian B : Kefahaman Mengenai Penyata Kewangan dan Akuan.

Arahan. : Sila tandakan (/) pada ruangan yang disediakan untuk menjelaskan pengetahuan anda mengenai penyata kewangan.

	Ya	Tidak Pasti	Tidak
11. Tahukah anda apa itu Penyata Kewangan berikut?			
a. Penyata Perdagangan	()	()	()
b. Penyata Untung Rugi	()	()	()
c. Kunci Kira-Kira	()	()	()
12. Tahukah anda menyediakan Penyata Kewangan berikut?			
a. Penyata Perdagangan	()	()	()
b. Penyata Untung Rugi	()	()	()
c. Kunci Kira-Kira	()	()	()
13. Fahamkah anda isi kandungan Penyata Kewangan berikut?			
a. Penyata Perdagangan	()	()	()
b. Penyata Untung Rugi	()	()	()
c. Kunci Kira-Kira	()	()	()
14. Bolehkah anda membaca penyata kewangan berikut?			
a. Penyata Perdagangan	()	()	()
b. Penyata Untung Rugi	()	()	()
c. Kunci Kira-Kira	()	()	()
15. Bolehkan anda membuat analisis menggunakan Penyata Kewangan?	()	()	()

Bahagian C : Kepekaan Terhadap Akta Koperasi 1993.

(Bahagian ini hanya dijawab oleh sesiapa yang pernah atau sedang menjawat jawatan Lembaga Koperasi sahaja)

Arahan. : Sila tandakan (/) pada ruangan yang disediakan untuk menjelaskan kepekaan anda tentang peruntukan Seksyen-Seksyen Akta Koperasi 1993.

		Ya	Tidak Pasti	Tidak
16.	Anda peka kepada keperluan Seksyen 58 (1) Akta Koperasi 1993. (Semua rekod perakaunan dan rekod-rekod lain disenggara dengan sebaik mungkin dan boleh menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan koperasi).	()	()	()
17.	Anda peka kepada keperluan Seksyen 58 (2) Akta Koperasi 1993. (Setiap transaksi dicatat dalam buku-buku akaun dengan seberapa segera yang mungkin dan tidak lewat daripada tiga puluh hari).	()	()	()
18.	Anda peka kepada keperluan Seksyen 58 (3) Akta Koperasi 1993. (Penyediaan Akaun Perdagangan, Untung Rugi, Kunci Kira-Kira dan lain-lain dokumen dalam tempoh dua bulan selepas tamatnya setiap tahun kewangan untuk maksud pengauditan).	()	()	()
19.	Anda peka kepada keperluan Seksyen 60 (1) Akta Koperasi 1993. (Akaun Akhir hendaklah diserahkan kepada juruaudit luar untuk pengauditan pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan).	()	()	()

Bahagian D : Status Kepatuhan Akta Koperasi 1993.

(Bahagian ini hanya dijawab oleh sesiapa yang pernah atau sedang menjawat jawatan Lembaga Koperasi sahaja)

Arahan. : Sila tandakan (/) pada ruangan yang disediakan untuk menjelaskan status pematuhan sekolah anda tentang keperluan Seksyen-Seksyen Akta Koperasi 1993.

		Ya	Tidak Pasti	Tidak
20.	Koperasi mematuhi keperluan Seksyen 58 (1) Akta Koperasi 1993. (Semua rekod perakaunan dan rekod-rekod lain disenggara dengan sebaik mungkin dan boleh menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan koperasi).	()	()	()
21.	Koperasi mematuhi keperluan Seksyen 58 (2) Akta Koperasi 1993. (Setiap transaksi dicatat dalam buku-buku akaun dengan seberapa segera yang mungkin dan tidak lewat daripada tiga puluh hari).	()	()	()

		Ya	Tidak Pasti	Tidak
22.	Koperasi mematuhi keperluan Seksyen 58 (3) Akta Koperasi 1993. (Penyediaan Akaun Perdagangan, Untung Rugi, Kunci Kira-Kira dan lain-lain dokumen dalam tempoh dua bulan selepas tamatnya setiap tahun kewangan untuk maksud pengauditan).	()	()	()
23.	Koperasi mematuhi keperluan Seksyen 60 (1) Akta Koperasi 1993. (Akaun Akhir hendaklah diserahkan kepada juruaudit luar untuk pengauditan pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan).	()	()	()

Bahagian E : Persepsi Kepentingan Pengurusan Akaun Koperasi.

Arahan : Berikut adalah pernyataan kepentingan pengetahuan perakaunan koperasi bagi pihak tertentu dalam menentukan kejayaan koperasi sekolah. Bulatkan jawapan anda pada skala berikut untuk menyatakan tahap persetujuan anda berdasarkan koperasi sekolah anda sendiri.

- 5 amat setuju
4 setuju
3 tidak pasti
2 tidak setuju
1 amat tidak setuju

		amat tidak setuju			amat setuju
Kejayaan koperasi sekolah bergantung kepada:					
24.	Pengetahuan Pengetua mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah.	1	2	3	4 5
25.	Pengetahuan Naib Pengerusi Lembaga Koperasi mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah.	1	2	3	4 5
26.	Pengetahuan Setiausaha Lembaga Koperasi mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah.	1	2	3	4 5
27.	Pengetahuan Bendahari Lembaga Koperasi mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah.	1	2	3	4 5
28.	Pengetahuan Lembaga Koperasi di kalangan guru-guru mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah.	1	2	3	4 5
29.	Pengetahuan Lembaga Koperasi di kalangan Pelajar-pelajar mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah.	1	2	3	4 5
30.	Pengetahuan Juru Audit Dalaman mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah	1	2	3	4 5
31.	Pengetahuan ahli-ahli koperasi mengenai pengurusan akaun koperasi sekolah	1	2	3	4 5

Bahagian F : Pengukuran Prestasi Koperasi Sekolah.

Arahan : Berikut adalah beberapa faktor yang boleh dijadikan ukuran kepada kejayaan koperasi sekolah. Nyatakan persetujuan anda berhubung dengan faktor-faktor tersebut berdasarkan skala berikut.

- 5 amat setuju
4 setuju
3 tidak pasti
2 tidak setuju
1 amat tidak setuju

		amat tidak setuju			amat setuju
Sesuatu koperasi itu dianggap berjaya jika:					
32.	Keuntungannya adalah tinggi.	1	2	3	4 5
33.	Dividen yang dibayar adalah tinggi.	1	2	3	4 5
34.	Aset yang banyak	1	2	3	4 5
35.	Pulangan ke atas asetnya baik.	1	2	3	4 5
36.	Rekod akuan yang disenggara dengan kemas kini	1	2	3	4 5
37.	Belanjawan disediakan setiap tahun	1	2	3	4 5
38.	Volum jualannya tinggi	1	2	3	4 5
39.	Akaun/Penyata disediakan tepat pada waktunya	1	2	3	4 5
40.	Ia hanya pulang modal.	1	2	3	4 5
41.	Terdapat kepelbagaian perkhidmatan	1	2	3	4 5
42.	Barangan yang dijual adalah berkualiti	1	2	3	4 5
43.	Perkhidmatan pelanggannya memuaskan	1	2	3	4 5
44.	Susunatur barangan di dalam kedai adalah baik.	1	2	3	4 5
45.	Ia mempunyai pelbagai pilihan bagi sesuatu barangan	1	2	3	4 5
46.	Ia menawarkan harga yang lebih rendah daripada di luar	1	2	3	4 5
47.	Terdapatnya aktiviti kekeluarga dijalankan oleh koperasi	1	2	3	4 5
48.	Ia mendapat sokongan kuat daripada pengetua sekolah	1	2	3	4 5

LAMPIRAN C
Senarai Nama Koperasi-Koperasi Sekolah
dan
Jadual-Jadual Keputusan Keesahan Sola Selidik

Jadual 3.1 : Senarai Sampel Koperasi-Koperasi Sekolah Daerah Manjung.

1. Koperasi SM Ahmad Boestamam Sitiawan Berhad.
2. Koperasi SM Pantai Remis Berhad.
3. Koperasi SM Seri Manjung Berhad.
4. Koperasi SM Vokasional Seri Manjung Berhad.
5. Koperasi SM Pengkalan TLDM Lumut Berhad.
6. Koperasi SM Batu Sepuluh Lekir Sitiawan Berhad.
7. Koperasi SM Ambrose Berhad.
8. Koperasi SM Dato Idris Pengkalan Baru Pantai Remis Berhad.
9. Koperasi SM Tok Perdana Sitiawan Berhad.
10. Koperasi SMJK Air Tawar Berhad.
11. Koperasi SM Pangkor Berhad.

Lampiran C

Jadual 3.2 : Keesahan Soal Selidik

```

***** Method 1 (space saver) will be used for this analysis *****
-

  R E L I A B I L I T Y   A N A L Y S I S   -   S C A L E   ( A L P H
A)

Item-total Statistics

              Scale      Scale      Corrected      Alpha
              Mean      Variance    Item-          if Item
              Deleted    Deleted    Total         Deleted
              Deleted    Deleted    Correlation

FAHAM          2.6909          .8286          .5541          .8137
PATUH          2.8112          .8674          .6390          .7406
PEKA           2.6657          .5787          .7739          .7747

Reliability Coefficients

N of Cases =      55.0                      N of Items =   3

Alpha =      .7982

```

***** Method 1 (space saver) will be used for this analysis *****

RELIABILITY ANALYSIS - SCALE (ALPHA
A)

Item-total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item- Total Correlation	Alpha if Item Deleted
PENTING	8.1271	.9996	.4012	.7613
UKUR\$	8.2670	1.0566	.5527	.7582
UKURB\$	7.9965	.9633	.6025	.7871

Reliability Coefficients

N of Cases = 110.0

N of Items = 3

Alpha = .7947

LAMPIRAN D
Jadual-Jadual dan Gambar Rajah-Gambar Rajah

LAMPIRAN D

Jadual 1.1 : Perangkaan Koperasi di Semenanjung Malaysia
Bagi Tahun 1990-1995

Tahun	Bilangan Sekolah	Bilangan Keahlian	Modal (RM)	Jumlah Aset (RM)
1990	778	659,994	3,028,149	20,962,893
1991	806	733,735	3,364,867	23,711,663
1992	903	824,061	3,833,727	27,010,369
1993	945	901,599	4,304,603	31,083,068
1994	959	964,276	4,446,458	34,085,661
1995	978	1,022,517	4,719,219	38,371,318

(Sumber : ANGKASA , 1995)

Jadual 1.2 : Statistik Pemegang Modal Syer Koperasi Sekolah
Bagi Tahun 1995.

Kategori Modal Syer	Bilangan Koperasi	Jumlah Modal Syer (RM)	Peratus	Anggota Individu	Peratus	Modal Syer Individu (RM)
Kurang 100	8	117	0	4.5	.04	0.26
101 – 500	53	17,954	0.31	9,800	.82	1.83
501 - 1,000	114	88,438	1.45	48,738	4.10	1.81
1,001 - 2,500	344	566,801	9.86	266,381	22.4	2.13
2,501 - 5,000	276	988,662	17.19	311,849	26.25	3.17
5,001 - 10,000	238	1,693,600	29.45	344,582	29.00	4.91
10,001 – 50,000	118	1,994,678	34.69	202,558	17.05	9.85
Lebih 50,001	3	400,516	6.96	3,654	.31	109.41
	1,154	5,750,766	100	1,188,012	100	4.84


(Sumber : ANGKASA , 1995)

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Jawatan


Jawatan	Kekerapan	Peratus	% kekerapan	% Kumalitif
Pengerusi	11	10.0	10.0	10.0
Naib pengerusi	11	10.0	10.0	20.0
Setiausaha	11	10.0	10.0	30.0
Bendahari	11	10.0	10.0	40.0
Lain-lain	11	10.0	10.0	50.0
Bukan Lembaga	55	50.0	50.0	100.0
Total	110	100.0	100.0	

Sumber : Kajian Penyelidikan, 1998

Rajah 4.1 : Umur Responden



Rajah 4.2 : Taraf Akademik Responden



taraf pendidikan